Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2003

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan kekal pada suku kedua

KDNK benar ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.4% pada suku kedua tahun 2003 (S1: 4.6%). Langkah-langkah proaktif pengembangan fiskal dan monetari untuk merangsang permintaan dalam negeri serta asas ekonomi yang pelbagai dan berdaya tahan, membantu mengekalkan momentum pertumbuhan meskipun berlakunya wabak SARS serta suasana perkembangan luar negeri yang tidak menentu.

Kesemua sektor berkembang dengan lebih kukuh kecuali sektor perkhidmatan. Pertumbuhan yang lebih tinggi di sektor perkilangan (6.5%) didorong oleh pertumbuhan industri yang berasaskan sumber. Di sektor komoditi utama, pertanian dan perlombongan masing-masing berkembang 10.4% dan 10.5%. Kesan wabak SARS dilihat di sektor perkhidmatan yang mengalami pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 2.8% (4.5% pada S1).

Pertumbuhan KDNK Benar Kekal Mapan pada S2 2003



Pertumbuhan terus didorong oleh permintaan agregat dalam negeri dan diperkukuh oleh permintaan luar negeri. Penggunaan sektor awam terus kukuh disokong oleh perbelanjaan upah, pertahanan dan bekalan. Kesan buruk wabak SARS yang bersifat sementara terhadap permintaan swasta pulih semula berikutan pengumuman pakej ekonomi pada 21 Mei. Keyakinan pengguna pulih dan seterusnya permintaan sektor swasta meningkat dengan ketara pada bulan Jun. Kadar faedah yang rendah dan harga komoditi yang kukuh dalam suasana pasaran pekerja yang stabil meningkatkan keyakinan pengguna pada penghujung suku kedua.

Dasar monetari bersifat merangsang bagi menyokong permintaan agregat

Dasar monetari yang mengembang semenjak tahun 1998 dilonggarkan lagi pada suku kedua tahun 2003. Kadar campur tangan BNM dikurangkan sebanyak 50 mata asas pada bulan Mei. Pengurangan tersebut merupakan langkah awalan yang diambil bagi menyokong pertumbuhan dalam suasana prospek pemulihan ekonomi global yang tidak menggalakkan. Pada suku kedua, satu skim Kemudahan Jaminan Bantuan Khas berjumlah RM1 bilion telah diwujudkan bagi mengurangkan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh perniaga yang terjejas oleh wabak SARS. Perkembangan positif yang segera dicapai hasil daripada

pengurangan kadar faedah dan pengumuman pakej ekonomi ialah permintaan untuk mudah tunai yang lebih kukuh.

Kesemua penunjuk pinjaman juga meningkat dengan ketara pada bulan Jun, setelah menyederhana pada bulan Mei. Sebahagian besar daripada pinjaman diberi kepada peminjam kecil, pengguna dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dalam suasana kadar faedah yang rendah, syarikat-syarikat besar memperoleh dana jangka panjang di pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) pada kos yang lebih rendah, sementara bergantung kepada sistem perbankan bagi keperluan modal kerja jangka pendek.

Pertumbuhan yang lebih mantap pada separuh kedua tahun 2003

Perkembangan terkini menunjukkan prospek pertumbuhan yang lebih kukuh pada separuh kedua tahun 2003. Di sektor luar negeri, penunjuk kelihatan lebih optimis terhadap prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh di Amerika Syarikat dan Jepun. Perbelanjaan pelaburan tetap khususnya, bertukar menjadi positif di Amerika Syarikat, mencerminkan keyakinan perniagaan berikutan pengurangan ketidakpastian. Dasar monetari yang mengembang di negara-negara G3 dan Asia juga akan menyokong pertumbuhan pada separuh kedua tahun 2003. Di ekonomi serantau, pemulihan di sektor perjalanan dan runcit serta pengukuhan asas penggunaan yang berterusan serta prospek kitaran elektronik yang lebih baik, menyokong permintaan eksport yang lebih tinggi. Asas-asas ekonomi yang lebih kukuh juga membantu pelaksanaan dasar monetari dan fiskal yang fleksibel di ekonomi serantau bagi menghadapi sebarang kemungkinan kejutan.

Di sektor dalam negeri, suasana yang wujud mendorong peningkatan permintaan agregat dalam negeri. Kadar pinjaman terutamanya untuk pinjaman baru, terus menunjukkan arah aliran yang menurun. Perbelanjaan fiskal untuk pendidikan, kesihatan dan infrastruktur akan terus menyokong pertumbuhan. Kedudukan kewangan korporat yang lebih kukuh dengan aliran tunai yang bertambah baik dan pertumbuhan penggunaan kapasiti yang meningkat merupakan petanda baik untuk pelaburan yang lebih tinggi. Sentimen yang positif telah muncul di BSKL dengan tujuh terbitan awam awal (IPO) mendapat lebihan langganan. Faktor-faktor lain termasuk harga tenaga yang lebih rendah dan pemulihan keyakinan isi rumah dan perniagaan.

Asas-asas ekonomi Malaysia terus kekal kukuh dengan inflasi yang rendah dan suasana pasaran pekerja yang stabil. Kedudukan sektor luar negeri kekal teguh dengan rizab antarabangsa meningkat kepada AS$38.6 bilion pada pertengahan Ogos 2003, memadai untuk membiayai 6 bulan import tertangguh dan 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek. Sektor perbankan terus mencatat pinjaman tidak berbayar (NPL) yang lebih rendah dalam suasana permodalan yang lebih tinggi dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sebanyak 13.1% pada akhir Jun 2003. Pertumbuhan dijangka mengukuh pada separuh kedua tahun 2003 berdasarkan ekonomi yang berdaya tahan, keadaan luar negeri yang dijangka bertambah baik dan kesan positif pakej ekonomi Kerajaan.

PERKEMBANGAN EKONOMI

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat lebih kukuh; pertumbuhan di rantau Asia terjejas oleh SARS

Keadaan ekonomi global bertambah baik pada suku kedua. Pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) yang mengukuh kepada 2.4% pada suku ini (S1: 1.4%) akan meningkatkan lagi prospek pemulihan ekonomi global yang diterajui oleh AS pada separuh kedua tahun 2003. Pada masa yang sama, ekonomi Jepun semakin pulih, manakala ekonomi Eropah terus merosot dengan Jerman dan Itali mencatat pertumbuhan negatif pada suku kedua. Pasaran kewangan terutamanya pasaran ekuiti global terus bertambah kukuh berikutan keyakinan terhadap pertumbuhan global.

Dalam melangkah ke hadapan, penunjuk terkini menunjuk kepada pertumbuhan yang lebih kukuh pada separuh tahun kedua. Walau bagaimanapun, tahap pemulihan akan terus dikekang oleh ketidakseimbangan struktur di negara-negara perindustrian utama serta peningkatan kadar faedah jangka panjang. Di pasaran pertukaran asing, dolar AS akan terus dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap defisit fiskal dan akaun semasa di AS, serta perkembangan ekonomi negara perindustrian utama lain. Secara keseluruhan, daya tahan pemulihan global akan bergantung kepada pemulihan yang mapan dalam pelaburan korporat.

Di rantau Asia, keseluruhan pertumbuhan adalah lebih perlahan pada suku kedua, disebabkan terutamanya oleh kesan SARS terhadap aktiviti ekonomi di Republik Rakyat China, Singapura, Hong Kong China dan China Taipei. Walaupun tidak terjejas oleh SARS, permintaan dalam negeri yang lebih perlahan menyebabkan Korea mengalami kemelesetan ekonomi buat kali pertama semenjak krisis Asia. Dari segi suku sebelumnya, KDNK benar Korea menguncup selama dua suku berturut-turut (S2: – 0.7%. S1: – 0.4%). Walaupun perdagangan intraserantau menyederhana sedikit pada suku

Kadar Pertumbuhan KDNK di Negara-negara Perindustrian Menunjukkan Pemulihan (pertumbuhan tahunan, %)

	Tahun	Suku Tahun		
	2002	S1 '03	S2 '03	Faktor-faktor penyumbang utama
AS	2.4	1.4	2.4	Peningkatan perbelanjaan pertahanan, penggunaan dan pelaburan tetap perniagaan.
UK	1.8	2.1	1.8	Permintaan pengguna yang lebih kukuh dan pinjaman perumahan yang didorong oleh kadar faedah yang rendah.
Jerman	0.2	0.1	-0.2	Kadar eksport yang rendah dan masalah pasaran buruh mengatasi pemulihan dalam sentimen pengguna dan perniagaan.
Jepun	0.2	1.3	2.3	Pelaburan perniagaan bertambah baik tetapi kadar pengeluaran industri dan penggunaan yang lemah telah mempengaruhi prospek pemulihan ekonomi

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Terjejas oleh SARS (Pertumbuhan tahunan, %)

	Tahun	Suku		
	2002	S1 '03	S2 '03	Faktor-faktor penyumbang utama
Republik Rakyat China	8.0	9.9	6.7	Kesan SARS yang buruk terhadap perdagangan runcit lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang kukuh dalam eksport dan perbelanjaan kerajaan.
Korea	6.3	3.7	1.9	Pertumbuhan yang perlahan dalam permintaan dalam negari lebih daripada mengimbangi pertumbuhan eksport.
China Taipei	3.6	3.5	-0.1	Kesan SARS yang buruk terhadap penggunaan dan pelaburan swasta.
Singapura	2.2	1.6	-4.2	Kesemua sektor mencatat kemerosotan, terutamanya sektor perkilangan dan pembinaan.
Indonesia	3.7	3.4	3.8	Disokong oleh perbelanjaan kerajaan dan pengunnan swasta.

kedua, pertumbuhan eksport kekal positif di kesemua negara serantau. Eksport terus didorong oleh permintaan separa konduktor dan komoditi utama.

Keadaan inflasi di negara-negara serantau kekal rendah. Walaupun inflasi di Republik Rakyat China meningkat sedikit, tekanan deflasi di Hong Kong China dan China Taipei berterusan akibat kemerosotan permintaan pengguna berikutan penularan wabak SARS. Sejajar dengan inflasi yang rendah dan keadaan kecairan yang berlebihan, kadar faedah jangka pendek menurun di kebanyakan negara serantau. Berbanding dolar AS, nilai mata wang serantau meningkat pada suku kedua, berikutan aliran masuk dana asing yang kukuh. Mata wang rupiah Indonesia dan won Korea mencatat pertambahan nilai yang paling besar.

Pertumbuhan terus didorong oleh permintaan agregat dalam negeri

Permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua kerana disokong oleh perbelanjaan sektor awam. Penggunaan awam meningkat sebanyak 7.2% (S1 2003: 18.9%) disebabkan terutamanya oleh

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar 1987)

	2002		2003		
	S2	ST1 1/	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	3.9	2.0	5.9	3.0	4.4
Penggunaan	7.2	5.9	6.9	4.3	5.6
Sektor swasta	*5.6*	*4.4*	*4.3*	*3.4*	*3.9*
Sektor awam	*12.8*	*12.2*	*18.9*	*7.2*	*12.2*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-2.0	-5.1	3.8	0.4	2.0
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3.1	-1.8	1.9	0.2	1.0
Import Barangan dan Perkhidmatan	6.6	0.8	1.7	-2.9	-0.7
KDNK	**4.0**	**2.6**	**4.6**	**4.4**	**4.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
1/ Separuh tahun pertama.

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terus meningkat



perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen, bekalan dan perkhidmatan dan pertahanan serta pembayaran bonus setengah bulan kepada kakitangan Kerajaan. Sementara itu, penggunaan swasta yang lemah pada bulan April dan Mei, menunjukkan peningkatan pada bulan Jun berikutan kejayaan membendung ancaman wabak SARS dan pengumuman pakej ekonomi baru pada 21 Mei yang mengandungi langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan pendapatan boleh guna. Pada bulan Jun, penunjuk penggunaan yang utama adalah lebih memuaskan. Pertumbuhan yang lebih tinggi telah dicatat bagi import barangan penggunaan, pembayaran pinjaman kepada isi rumah serta perbelanjaan pengguna melalui kad kredit. Akibatnya, Indeks Sentimen Pengguna oleh Institut

Keyakinan pengguna dan perniagaan bertambah baik



Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) meningkat sebanyak 1.7 mata kepada 106.9 mata pada suku kedua (S1 2003: 105.2 mata). Yang jelas, sentimen pengguna adalah lebih positif terhadap prospek pendapatan dan pekerjaan pada bulan-bulan yang akan datang.

Pembentukan modal tetap kasar berkembang sebanyak 0.4% pada suku kedua (S1 2003: 3.8%). Perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan kekal tinggi, terutamanya ke atas pembangunan infrastruktur. Penunjuk pelaburan swasta, seperti pembayaran pinjaman kepada perniagaan dan penjualan kenderaan perdagangan yang lebih tinggi, menuju ke arah pemulihan pada akhir suku kedua. Sentimen perniagaan juga bertambah baik dalam tempoh tersebut seperti yang dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan (IKP) MIER, yang meningkat melebihi tahap 100 mata untuk kali pertama semenjak suku ketiga tahun 2002 (S2 2003: 104.9 mata). Pengukuhan dalam IKP mencerminkan prestasi kebanyakan komponen yang lebih baik, terutamanya pengeluaran, pesanan dalam negeri, pesanan eksport, kapasiti penggunaan, jangkaan pengeluaran dan jangkaan pesanan eksport. Pengumuman langkah-langkah tambahan untuk menggalakkan pelaburan swasta dalam pakej ekonomi serta melonggarkan lagi pemilikan ekuiti asing dan penggajian pegawai dagang dalam sektor perkilangan juga mempunyai kesan positif terhadap keyakinan perniagaan.

Perkembangan Mengikut Sektor

Asas ekonomi yang pelbagai membendung kesan SARS

Ekonomi Malaysia berupaya menangani kesan SARS, antaranya disebabkan oleh strukturnya yang pelbagai. Kesan SARS hanya dirasai di sektor perkhidmatan terutamanya industri pelancongan dan

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan dalam %				
Pertanian	1.4	-1.1	3.4	10.4	7.0
Perlombongan	-1.6	0.0	4.5	10.5	7.4
Perkilangan	5.5	1.6	5.9	6.5	6.2
Pembinaan	3.4	3.1	1.2	1.4	1.3
Perkhidmatan	4.0	4.3	4.5	2.8	3.6
KDNK Benar (perubahan tahunan)	4.0	2.6	4.6	4.4	4.5
KDNK Benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)	4.1	-0.5	-3.8	4.0	-1.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

industri yang berkaitan dengannya. Sektor ekonomi lain terus menunjukkan prestasi yang kukuh. Sektor perkilangan dan komoditi utama khususnya telah mengimbangi pertumbuhan yang lebih rendah di sektor perkhidmatan dengan menyumbang sebanyak 3.5 mata peratusan (mp) kepada pertumbuhan keseluruhan sebanyak 4.4% pada suku kedua (S1 2003: 2.4 mp).

Sektor perkilangan merupakan pemacu pertumbuhan yang utama pada suku kedua

Pertumbuhan nilai ditambah yang lebih kukuh di sektor perkilangan sebanyak 6.5% (S1: 5.9%) disokong terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri berorientasikan eksport (9.4%; S1: 8%). Industri berorientasikan dalam negeri juga berkembang sebanyak 4.2% (S1: 6.4%). Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan di sektor perkilangan adalah lebih tinggi sebanyak 83% (S1: 80%) dengan industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada paras 84% dan 82% (S1: masing-masing pada paras 81% dan 80%).

Dalam industri berorientasikan eksport, industri berasaskan sumber seperti pemprosesan

Prestasi Sektor Perkilangan

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	% Perubahan Tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	5.5	1.6	5.9	6.5	6.2
Pengeluaran Keseluruhan	6.5	1.4	7.6	7.9	7.7
Industri berorientasikan eksport antaranya:	6.0	0.0	8.0	9.4	8.7
- Elektronik	23.6	10.4	8.6	6.1	7.3
- Barangan Elektrik	-7.1	-8.2	-4.3	-7.5	-6.0
- Tekstil & pakaian	-6.5	-10.8	0.8	2.7	1.8
- Bahan kimia dan keluaran kimia	-2.0	-5.6	16.4	23.3	19.8
- Pemprosesan luar estet	-2.8	-1.0	4.5	27.3	16.0
- Keluaran getah	-0.1	-2.3	9.6	11.5	10.5
- Kayu dan keluaran kayu 1/	-6.3	-10.9	4.3	-0.7	1.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri antaranya:	8.2	5.9	6.4	4.2	5.3
- Kelengkapan pengangkutan	13.0	15.4	-6.6	-13.6	-10.2
- Keluaran logam yang direka	11.6	3.4	3.8	13.4	9.0
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	10.1	3.5	16.7	1.7	8.6
- Keluaran galian bukan logam	7.1	7.5	10.0	11.4	10.7
- Keluaran petroleum	-11.6	-4.3	1.9	17.1	9.1
- Makanan	8.9	10.6	5.5	4.3	4.9
Jumlah Eksport Perkilangan	5.5	0.7	1.7	1.1	1.4
- Elektronik	16.6	8.4	-6.1	-4.5	-5.3
Separa konductor	15.7	-0.1	27.1	22.5	24.7
Komponen elektronik	17.3	15.5	-28.6	-25.5	-27.1
- Barangan elektrik	-12.5	-13.2	-6.5	-5.5	-5.9
Barangan elektrik pengguna	-11.5	-11.6	-11.8	-17.0	-14.6
Barangan elektrik industri & komersial	-21.8	-20.4	-12.5	-0.9	-6.6
Jentera & kelengkapan barangan elektrik industri	0.3	-5.0	4.0	3.5	3.7
Perkakas elektrik isi rumah	11.1	9.2	78.3	33.9	54.0
- Keluaran kayu	-7.4	-9.9	13.2	5.5	9.1
- Barangan perabot	9.6	6.4	8.8	5.1	6.9
- Tekstil, pakaian & kasut	-12.6	-14.7	8.3	1.8	4.8
- Peralatan optikal & saintifik	-1.9	1.5	19.2	15.1	17.1
- Bahan kimia dan keluaran kimia	14.5	4.1	33.5	22.5	27.5
- Keluaran petroleum	-15.8	-26.5	67.3	21.2	42.9

1/ Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu

luar estet dan bahan kimia dan keluaran kimia mendapat faedah daripada permintaan luar negeri yang menggalakkan. Gas perindustrian khususnya, berkembang dengan kukuh sebanyak 39.6% dengan bermulanya operasi loji MLNG yang baru. Industri separa konduktor terus berkembang sebanyak 6.1%

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



disokong oleh permintaan dari rantau Asia Pasifik. Industri berorientasikan dalam negeri meningkat pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4.2% disebabkan oleh peningkatan yang sederhana dalam industri bahan-bahan yang berkaitan dengan pembinaan dan kemerosotan dalam industri kelengkapan pengangkutan. Kemerosotan dalam industri kelengkapan pengangkutan disebabkan oleh penjualan kereta yang sederhana setelah mencapai paras tertingginya pada tahun lepas.

....Diperkuat oleh prestasi lebih kukuh sektor komoditi utama

Pengembangan kukuh sektor pertanian dan perlombongan, masing-masing 10.4% dan 10.5% pada suku kedua (S1: masing-masing 3.4% dan 4.5%) diterajui oleh pengeluaran minyak sawit mentah, getah, minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Harga komoditi utama yang teguh (S2: 6-51%) turut menyumbang kepada paras pengeluaran yang lebih tinggi terutamanya bagi getah.

Peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit mentah sebanyak 27.4% didorong oleh hasil

Prestasi Sektor Pertanian

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**1.4**	**-1.1**	**3.4**	**10.4**	**7.0**
Pengeluaran[1/]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-3.5	-5.9	0.4	27.4	14.2
Minyak isirung sawit mentah	-13.3	-9.1	-5.2	28.5	11.0
Getah	7.5	4.0	16.6	21.0	18.6
Kayu balak	-1.1	-0.7	0.1	-3.5	-1.9
Koko	-25.6	-31.6	71.5	14.7	41.5
Eksport (RM juta)	**26.9**	**17.0**	**41.8**	**34.1**	**37.6**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan metrik)	2.9	-4.4	9.3	15.6	12.7
(RM/tan metrik)	45.3	43.6	41.4	25.4	32.4
(RM juta)	49.5	37.3	54.6	44.9	49.2
Minyak isirung sawit mentah					
('000 tan metrik)	-22.8	6.7	-33.9	15.0	-12.1
(RM/tan metrik)	34.6	17.5	51.0	21.1	35.5
(RM juta)	3.9	25.4	-0.2	39.3	19.1
Getah					
('000 tan metrik)	18.8	3.1	13.4	2.0	7.3
(Sen/kg)	11.1	-0.4	57.6	40.0	47.4
(RM juta)	32.0	2.6	78.7	42.8	58.2
Kayu balak					
('000 meter padu)	-6.4	-6.9	19.5	32.9	26.7
(RM/meter padu)	6.8	-1.5	18.9	5.6	11.4
(RM juta)	0.0	-8.3	42.1	40.3	41.1
Biji koko					
('000 tan metrik)	22.2	21.9	51.7	-38.0	-11.8
(RM/tan metrik)	36.6	36.7	62.9	37.2	43.3
(RM juta)	66.9	66.7	147.2	-14.9	26.4

[1/]Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

yang lebih tinggi serta pertambahan dalam kawasan matang. Keadaan cuaca yang memuaskan serta amalan pertanian yang semakin baik menghasilkan kadar perahan minyak yang lebih tinggi kepada 19.63% pada suku kedua (S1: 19.57%). Pengeluaran getah turut meningkat dengan nyata memandangkan para pekebun kecil menggiatkan aktiviti penorehan berikutan harga getah yang tinggi. Berakhirnya musim daun luruh yang telah menjejaskan hasil pada suku pertama, turut menyebabkan pengeluaran getah yang lebih tinggi pada suku kedua.

Di sektor perlombongan, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) meningkat 12.7% kepada 746,060 tong sehari untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat

Prestasi Sektor Perlombongan

	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**-1.6**	**0.0**	**4.5**	**10.5**	**7.4**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-1.1	1.5	2.3	12.7	7.4
Gas asli (bersih) (juta kaki padu)	-4.1	-2.8	8.2	9.1	8.6
Eksport (RM juta)	**-13.9**	**-22.6**	**50.9**	**38.4**	**44.8**
Antaranya:					
Minyak mentah ('000 tan metrik)	8.6	3.7	4.2	0.3	2.2
(AS$/tong)	-11.9	-18.9	61.3	15.9	36.6
(AS$/tong)	-4.3	-15.9	68.0	16.2	39.7
Gas asli cecair ('000 tan metrik)	-21.1	-11.0	6.9	42.8	20.8
(RM/tan metrik)	-11.6	-18.6	28.8	26.0	28.0
(RM juta)	-30.2	-27.6	37.8	80.0	54.6

dari loji penapis minyak tempatan serta peningkatan permintaan daripada pembeli utama di rantau ini. Peningkatan dalam pengeluaran gas asli disebabkan terutamanya oleh permintaan yang meningkat dari subsektor penjanaan kuasa dan bermulanya operasi loji MLNG3 yang baru pada akhir Mac tahun ini.

Kesan SARS hanya tertumpu terutamanya di sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8% berikutan merebaknya wabak SARS yang mengakibatkan ketibaan pelancong yang lebih rendah dan sentimen pengguna yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, kesan SARS hanya terbatas kepada sektor perdagangan runcit, perjalanan dan pelancongan. Ia juga terhad dari segi tempoh dengan kesan dirasai pada bulan April dan Mei.

Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran merupakan subsektor yang

Langkah-langkah Pakej Ekonomi Bulan Mei bagi Industri Perkhidmatan

Industri yang terlibat atau benefisiari	Langkah-langkah	Tarikh Berkuat kuasa
Industri berkaitan pelancongan	- Kemudahan Jaminan Bantuan Istimewa RM1 bilion	21 Mei 2003
Pengusaha hotel	- Diskaun 5% ke atas bil elektrik - Pengecualian 5% cukai Kerajaan dan levi Dana Pembangunan Sumber Manusia - Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas kelengkapan persidangan televideo	1 Jun- 31 Dis 2003
Agensi pelancongan dan perjalanan	- Penangguhan pembayaran secara ansuran cukai pendapatan - Pengecualian levi Dana Pembangunan Sumber Manusia	1 Jun- 31 Dis 2003
Teksi	- Pengurangan sekali bagi cukai jalan sebanyak 50%	Sah sehingga 6 bulan
Perkhidmatan runcit, pengangkutan & lain-lain perkhidmatan	- Pengurangan sumbangan KWSP pekerja sebanyak 2 mata peratusan - Bonus setengah bulan bagi kakitangan Kerajaan	Setahun daripada 1 Jun 2003
Pengusaha kedai bebas cukai di lapangan terbang Malaysia	- Potongan 50% kadar sewaan premis Malaysia Airport Holdings Berhad	1 Jun- 31 Dis 2003

Sumber: Pakej Ekonomi, 2003

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan Tahunan dalam %				
Perkhidmatan Pengantara	5.0	5.5	4.1	4.3	4.2
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	2.5	2.2	4.8	4.0	4.4
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	6.5	7.5	3.8	4.5	4.1
Perkhidmatan akhir	3.4	3.5	4.7	1.9	3.2
Elektrik, gas dan air	5.1	4.6	7.3	7.1	7.2
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	2.3	2.1	3.2	-2.0	0.6
Perkhidmatan Kerajaan	4.4	5.7	5.9	6.9	6.4
Perkhidmatan lain	3.7	3.7	5.0	1.6	3.3
Jumlah Perkhidmatan	4.0	4.3	4.5	2.8	3.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

paling teruk terjejas, merosot sebanyak 2%. Walaupun perjalanan udara terjejas akibat kesan SARS, terutamanya di segmen penumpang, subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi terhindar sedikit disebabkan oleh pertumbuhan yang kukuh dalam sektor telekomunikasi dan aktiviti pelabuhan yang teguh. Pada akhir bulan Mei, keadaan menjadi bertambah baik dengan kejayaan mengawal SARS di peringkat global dan apabila keyakinan semakin meningkat berikutan pengumuman pakej ekonomi. Pakej tersebut bertujuan untuk membantu perniagaan yang terjejas akibat SARS serta untuk memperkukuh aktiviti ekonomi.

Penunjuk Terpilih untuk Prestasi Industri yang Terjejas oleh SARS

(Perubahan tahunan, %)

Subsektor/ Penunjuk	2003			
	Mac	April	Mei	Jun
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran				
Ketibaan pelancong	-35.6	-58.5	-53.1	-44.6
Kadar penginapan hotel (%)	50.3	41.7	43.2	55.3
Import barangan pengguna	5.9	-2.7	-9.7	6.9
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	2.1	-0.8	-1.5	8.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi				
Penumpang MAS	-2.4	-19.4	-31.7	-14.4
Faktor muatan penumpang MAS (%)	54	54	52	62
Jumlah penumpang di semua lapangan terbang di Malaysia	3.5	-17.0	-23.3	-7.4

Sumber: Pelbagai sumber

Subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat pada suku kedua disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman bank, pertumbuhan yang berterusan di sektor insurans dan pemulihan di pasaran saham menjelang akhir suku kedua. Pertumbuhan di subsektor perkhidmatan Kerajaan adalah disebabkan oleh pembayaran bonus kepada kakitangan Kerajaan, sementara pengembangan di subsektor utiliti disebabkan oleh permintaan elektrik yang berterusan daripada pengguna.

Aktiviti pembinaan disokong oleh permintaan terhadap perumahan dan peningkatan perbelanjaan awam

Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan 1.4% pada suku kedua tahun 2003 (S1 2003: 1.2%), disokong terutamanya oleh aktiviti pembinaan yang lebih giat bagi projek-projek sektor awam yang berkaitan dengan pembinaan jalan raya, perumahan dan kemudahan kesihatan. Pertumbuhan turut disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor kediaman disebabkan oleh sentimen yang bertambah baik ekoran

Penunjuk Pembinaan

	2002		2003		
	S1	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan Tahunan dalam %				
Permit jualan dan iklan baru	20.2	29.4	-24.5	-16.7	-20.1
Kelulusan perumahan	11.4	9.5	-30.7	0.8	-13.6
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	2.6	5.7	13.0	6.9	9.8
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-10.2	31.6	19.4	-46.3	-22.3
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-5.8	6.8	3.6	-15.4*	-4.8**

* April-Mei '03
** Jan.-Mei '03
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

pengumuman potongan kadar faedah dan insentif cukai yang terkandung dalam pakej ekonomi. Kedatangan semula buruh asing turut membantu meningkatkan aktiviti di sektor ini.

Inflasi yang lebih rendah

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), merosot kepada 0.9% pada suku kedua tahun 2003 (S2 2002: 1.9%; S1 2003: 1.4%). Ini mencerminkan peningkatan harga yang perlahan bagi sektor pengangkutan dan komunikasi terutamanya disebabkan oleh berakhirnya kesan harga runcit petrol yang lebih tinggi yang dilaksanakan pada 1 Mei 2002. Harga makanan adalah lebih tinggi berbanding dengan suku kedua tahun 2002 disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi makanan yang dibawa pulang ke rumah.

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja yang stabil

Walaupun pembuangan tenaga kerja dan pemberhentian pekerja sementara meningkat pada suku kedua disebabkan oleh kesan wabak SARS ke atas ekonomi, keseluruhan pasaran pekerja kekal stabil disokong oleh pertumbuhan dalam

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



produktiviti. Di sektor perkilangan, produktiviti pekerja yang diukur melalui nilai jualan benar produk setiap pekerja meningkat sebanyak 4.9%, melebihi peningkatan sebanyak 2.9% dalam upah benar setiap pekerja.

Lebihan perdagangan lebih besar

Secara amnya, perdagangan kurang terjejas akibat wabak SARS. Lebihan perdagangan adalah lebih besar sebanyak RM18.9 bilion pada suku kedua (S1 2003: RM17.7 bilion). Lebihan

Akaun Perdagangan

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan dalam %				
Eksport kasar	**5.4**	**0.1**	**8.0**	**5.8**	**6.9**
Perkilangan	5.5	0.7	1.7	1.1	1.4
Pertanian	26.9	17.0	41.8	34.1	37.6
Galian	-13.9	-22.6	50.9	38.4	44.8
Import kasar	**10.1**	**2.5**	**2.3**	**-5.0**	**-1.6**
Barangan modal	24.4	6.2	-5.0	-17.4	-11.8
Barangan pengantara	6.7	0.4	2.5	-3.1	-0.4
Barangan penggunaan	12.2	9.5	4.7	-2.2	1.1
Imbangan perdagangan (RM bn)	**9.9**	**22.7**	**17.7**	**18.9**	**36.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Perdagangan



Eksport Kasar Malaysia : Jumlah Dieksport, Harga dan Jumlah Perolehan Eksport

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah Dieksport	**6.7**	**2.3**	**7.2**	**7.9**	**7.5**
Barangan Perkilangan	7.4	3.0	7.4	6.4	7.0
Pertanian	2.9	-3.1	8.0	13.0	10.4
Mineral	0.7	-1.1	4.9	18.6	10.0
Harga Eksport	**-0.2**	**-2.0**	**4.0**	**0.3**	**1.7**
Barangan Perkilangan	-2.2	-3.2	-3.5	-3.7	-3.8
Pertanian	32.3	28.7	33.9	20.9	26.7
Mineral	-12.0	-18.8	45.5	19.8	31.7
Jumlah Perolehan Eksport	**5.4**	**0.1**	**8.0**	**5.8**	**6.9**
Barangan Perkilangan	5.5	0.7	1.7	1.1	1.4
Pertanian	26.9	17.0	41.8	34.1	37.6
Mineral	-13.9	-22.6	50.9	38.4	44.8

Sumber : BNM

yang lebih besar ini disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta jumlah import yang rendah.

Eksport kasar berkembang sebanyak 5.8%, disokong oleh pemulihan dalam harga (215%) dan jumlah (15%) eksport pertanian dan galian. Eksport minyak sawit dan kayu balak khususnya, meningkat pada suku kedua disebabkan oleh permintaan dan harga yang lebih tinggi. Penghantaran dari logi baru MLNG juga menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam eksport gas asli cecair (LNG) pada suku tersebut (80%). Pertumbuhan yang sederhana dalam eksport perkilangan (1.1%) pada suku berkenaan disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam eksport peralatan serta alat ganti elektronik dan barangan elektrik, yang menghadapi persaingan yang kuat dari negara-negara berkos rendah. Eksport separa konduktor kekal kukuh dengan mencatat peningkatan sebanyak 22.5%.

Pola dagangan terus beralih ke pasaran negara serantau. Eksport ke negara serantau

Malaysia: Destinasi Eksport

	2002	2003		2002	2003		2002	2003	
	S2	S1	S2	S2	S1	S2	S2	S1	S2
	RM bil			% bahagian daripada jumlah eksport			Perubahan tahunan dalam %		
Amerika Syarikat	18.9	14.5	16.0	21.6	16.4	17.4	12.9	-12.8	-15.0
Kesatuan Eropah	10.3	11.4	11.9	11.9	12.9	12.9	-8.6	7.0	15.3
Negara ASEAN terpilih 1/	23.1	22.9	23.8	26.5	25.9	25.8	12.2	8.1	3.1
Negara Timur Laut Asia	15.4	17.2	17.7	17.6	19.5	19.2	24.8	23.0	15.6
Republik Rakyat China	4.7	5.2	6.0	5.3	5.9	6.5	48.4	24.3	29.0
Hong Kong China	4.6	5.7	5.8	5.2	6.4	6.3	15.5	41.3	28.0
China Taipei	3.5	3.3	3.4	4.0	3.7	3.7	29.8	7.9	-2.6
Korea Selatan	2.6	3.1	2.5	3.0	3.5	2.7	4.9	11.1	-5.4
India	1.7	2.2	2.5	2.0	2.5	2.7	8.8	76.3	43.7
Jumlah eksport	87.3	88.5	92.4	100.0	100.0	100.0	5.4	8.0	5.8

1/ Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan dalam %				
BARANGAN MODAL	24.4	6.2	-5.0	-17.4	-11.8
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	6.9	-2.9	0.2	0.1	0.1
Alat kelengkapan pengangkutan	232.2	108.1	-49.9	-84.2	-74.2
BARANGAN PENGANTARA	6.7	0.4	2.5	-3.1	-0.4
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	-4.0	12.8	31.4	5.8	19.3
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	3.6	-2.3	7.5	-2.8	2.0
Bahan api dan pelincir	-29.9	-19.2	30.9	43.4	37.3
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	11.4	1.4	-2.9	-4.9	-3.9
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	48.7	49.5	-3.9	-38.9	-23.2
BARANGAN PENGGUNAAN	12.2	9.5	4.7	-2.2	1.1
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	2.3	3.0	0.5	-8.5	-4.1
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	21.1	22.4	110.7	99.6	104.9
Barangan pengguna, t.s.t.l.	19.2	14.1	6.1	0.4	3.0
Barangan tahan lama	12.0	15.3	15.3	15.4	15.3
Barangan separa tahan lama	34.4	19.2	-10.2	-15.7	-13.2
Barangan tidak tahan lama	10.5	9.0	16.2	8.6	12.1
BARANGAN DUA GUNA	-2.0	-6.2	28.8	18.2	23.2
LAIN-LAIN	9.7	23.3	3.3	-2.3	0.4
IMPORT TERTANGGUH	9.5	2.1	2.1	-4.9	-1.6
EKSPORT SEMULA	37.5	22.9	12.1	-8.9	0.1
IMPORT KASAR	10.1	2.5	2.3	-5.0	-1.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

(tidak termasuk Jepun) yang mencakupi 45% daripada jumlah eksport Malaysia, terus berkembang sebanyak 8.1% (S1 2003: 14%). Pertumbuhan eksport tersebut disokong oleh perkembangan eksport yang kukuh ke negara Republik Rakyat China (29%) dan Hong Kong China (28%). Eksport ke negara India berkembang dengan kukuh sebanyak 43.7%, manakala eksport ke negara Jepun dan Kesatuan Eropah berkembang, masing-masing sebanyak 12.3% dan 15.3%. Peningkatan eksport ke negara Jepun dan India adalah disokong oleh eksport LNG serta keluaran

Pertumbuhan Import



minyak kelapa. Eksport ke Amerika Syarikat terus menunjukkan kemerosotan pada suku kedua (-15%), menggambarkan eksport barangan elektrik dan elektronik yang lebih rendah. Bahagian eksport Malaysia ke Amerika Syarikat kini mencakupi sebanyak 17.4% daripada jumlah eksport (16.4% pada S1 2003 dan 20.2% pada tahun 2002).

Import kasar merosot sebanyak 5% pada suku kedua. Ia terjejas terutamanya oleh permintaan luar negeri yang merosot dan sebahagian kecilnya oleh wabak SARS. Import barangan pengantara yang lebih rendah (-3.1%; S1 2003: 2.5%) mencerminkan terutamanya pertumbuhan eksport barangan perkilangan yang menyederhana dan sebahagian kecilnya oleh perubahan komponen eksport yang menggalakkan pertumbuhan. Pertumbuhan eksport adalah disokong oleh perkembangan eksport komoditi iaitu minyak sawit, minyak mentah serta LNG, yang pada asasnya mempunyai kandungan import yang rendah. Keduanya, pertumbuhan eksport barangan perkilangan adalah disokong oleh eksport barangan perkilangan yang berasaskan sumber yang meningkat sebanyak 15.8%. Eksport ini terdiri terutamanya daripada petroleum, bahan kimia dan barangan getah. Walaupun eksport yang tidak berasaskan sumber mencakupi 66.2% daripada jumlah eksport, pertumbuhan eksport tersebut semakin berkurang semenjak permulaan tahun 2003. Pertumbuhan eksport yang lebih rendah ini adalah disebabkan terutamanya oleh kejatuhan eksport peralatan serta alat ganti elektronik dan barangan elektrik. Import barangan modal yang lebih rendah adalah sejajar dengan pertumbuhan yang perlahan dalam pelaburan swasta. Kemerosotan yang ketara dalam import barangan penggunaan adalah disebabkan terutamanya oleh peristiwa khusus mengenai masalah kesihatan akibat kesan wabak SARS. Kemerosotan ketibaan pelancong serta perbelanjaan pengguna yang berkurangan turut menjejaskan import bahan makanan dan minuman serta barangan pengguna.

Ketibaan pelancong pulih pada suku kedua

Kesan wabak SARS ke atas ketibaan pelancong adalah bersifat sementara dan pulih dengan pesat pada akhir suku kedua. Secara keseluruhannya, kedatangan pelancong masih rendah, iaitu pada 1.7 juta pada suku kedua (S2 2002: 3.6 juta; S1 2003: 2.9 juta). Dari segi bulanan. peningkatan ketibaan pelancong pada bulan Mei dan Jun adalah masing-masing sebanyak 17.8% dan 32.8%, berikutan kesan wabak SARS yang semakin berkurangan. Beberapa kempen promosi turut diadakan pada suku kedua di negara pasaran baru termasuk Turki dan Iran serta peningkatan publisiti di pasaran yang telah lama wujud seperti di negara Republik Rakyat China, Hong Kong China, China Taipei dan India. Kedatangan pelancong dari negara ASEAN yang mencakupi sebanyak 63.1% daripada jumlah penerimaan pelancongan pada 2002, meningkat

Ketibaan Pelancong



sebanyak 32.6% pada bulan Mei dan 36.9% pada bulan Jun (April: -42.3%). Kedatangan pelancong dari negara Kanada, Amerika Syarikat dan Eropah turut mencatatkan peningkatan pada bulan Jun.

Aliran masuk dana pelaburan yang lebih tinggi

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk dana pelaburan adalah lebih tinggi pada suku kedua. Aliran masuk kasar pelaburan langsung asing dalam bentuk ekuiti langsung dan pinjaman antara syarikat pada suku kedua adalah berjumlah RM5.5 bilion (S1 2003: RM 3.1 bilion). Sejumlah besar daripada aliran masuk ini adalah terdiri daripada pinjaman antara syarikat yang disalurkan terutamanya ke dalam sektor minyak dan gas dan kepada sebuah syarikat multi-nasional melalui operasi perbendaharaan terpusatnya di Malaysia. Aliran masuk ekuiti dan pinjaman yang baru dapat dilihat di sektor perkilangan, terutamanya dalam aktiviti berkait dengan perkilangan petroleum dan industri elektronik. Terdapat juga pelaburan baru dalam sektor perkhidmatan, terutamanya perkhidmatan kewangan dan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, dan industri pengangkutan udara. Setelah menyelaraskan aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat yang berkaitan, aliran masuk pelaburan lansung asing bersih adalah berjumlah RM2.1 bilion.

Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM2.1 bilion (S1 2003: -RM2 bilion). Dari segi aliran keluar kasar, pelaburan luar negeri adalah lebih meluas. Lebih kurang satu pertiga daripada pelaburan ini adalah di sektor minyak dan gas, terutamanya bagi aktiviti di Mesir dan Sudan. Ini diikuti dengan pelaburan di sektor utiliti dan perkilangan, terutamanya dalam industri pakaian dan industri elektrik dan elektronik.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.6 bilion. Sentimen pelabur bertambah baik seperti yang dicerminkan oleh prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang lebih baik.

Hutang luar negeri masih berada di sekitar tahap yang berhemat

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat sedikit pada akhir bulan Jun 2003, tetapi masih berada di sekitar tahap yang berhemat. Hutang luar negeri yang belum dijelaskan berjumlah RM193.1 bilion (AS$50.8 bilion) pada akhir bulan Jun 2003, bersamaan dengan 54.7% daripada KNK. Hutang luar negeri

Hutang Luar Negeri



Hutang Luar Negeri

	2002	2003	
	S2	S1	S2
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	152.2	156.9	157.6
Sektor awam	96.2	102.3	102.2
Sektor swasta	56.0	54.6	55.4
Hutang jangka pendek	23.8	30.6	35.5
Jumlah hutang luar negeri	175.9	187.5	193.1
- bersamaan AS$ bilion	46.3	49.4	50.8

jangka sederhana dan panjang mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM0.6 bilion, disebabkan oleh pembayaran balik bersih hutang luar negeri oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Walau bagaimanapun, selepas mengambilkira kerugian penilaian semula pertukaran asing yang disebabkan terutamanya oleh peningkatan nilai euro, hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat sedikit kepada RM157.6 bilion atau AS$41.5 bilion (S1 2003: RM156.9 bilion).

Jumlah hutang luar negeri jangka pendek adalah lebih tinggi pada RM35.5 bilion atau AS$9.3 bilion (S1 2003: RM30.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh peningkatan hutang jangka pendek sektor perbankan, akibat daripada aktiviti perlindungan nilai oleh bank-bank berkaitan dengan urus niaga perdagangan. Urus niaga jangka pendek ini adalah bersifat sementara dan akan dijelaskan apabila matang. Pada akhir bulan Jun, hutang jangka pendek mencakupi 18.4% daripada jumlah hutang luar negeri, dan merupakan hanya 25.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Pada suku kedua, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus mengekalkan trend yang meningkat. Pada 30 Jun 2003, rizab antarabangsa bersih berjumlah RM140.9 bilion atau AS$37.1 bilion, mencerminkan peningkatan sebanyak RM8.3 bilion atau AS$2.2 bilion semenjak akhir suku pertama 2003. Peningkatan rizab ini adalah disebabkan terutamanya oleh aliran masuk perolehan eksport yang lebih besar serta aliran masuk pendapatan pelaburan dan pelaburan langsung asing yang stabil. Paras rizab juga telah mengambil kira pelarasan suku tahunan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi yang berjumlah AS$573 juta. Ini sebahagian besarnya adalah akibat kenaikan nilai euro and pound sterling berbanding dolar AS.

Rizab antarabangsa terus meningkat kepada RM146.6 bilion atau AS$38.6 bilion pada pertengahan Ogos 2003, disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport, aliran masuk pelaburan portfolio dan pelaburan langsung asing yang kukuh. Kedudukan rizab adalah memadai untuk membiayai 6 bulan import tertangguh dan merupakan sebanyak 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar fiskal kekal mengembang

Operasi bajet Kerajaan Persekutuan pada suku kedua adalah lebih mengembang bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 23.7% kepada RM29.3 bilion, hasil daripada langkah-langkah pakej ekonomi yang diumumkan pada bulan Mei untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ini termasuk pembayaran bonus setengah bulan kepada kakitangan Kerajaan, perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar dan program kebersihan pihak berkuasa tempatan, penubuhan dan pelanjutan beberapa dana serta

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM billion				
Hasil	19.6	36.7	13.7	21.2	34.9
Perbelanjaan mengurus	15.6	30.3	12.8	20.2	33.0
Akaun semasa	4.0	6.4	1.0	1.0	1.9
% daripada KDNK	4.5	3.7	1.0	1.0	1.0
Perbelanjaan pembangunan kasar	8.1	12.0	7.8	9.1	16.9
Terimaan balik pinjaman	0.1	0.3	0.1	0.1	0.2
Imbangan keseluruhan	-4.0	-5.3	-6.8	-8.0	-14.8
% daripada KDNK	-4.5	-3.1	-7.3	-8.4	-7.8
Memo:					
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	149.6	149.6	175.3	182.1	182.1
% daripada KDNK	41.5	41.5	45.7	47.5	47.5
Dalam negeri	121.1	121.1	135.9	142.3	142.3
Luar negeri	28.5	28.5	39.4	39.9	39.9
	Perubahan Tahunan dalam %				
Hasil	-5.5	3.9	-20.0	8.1	-5.0
Perbelanjaan mengurus	16.9	23.0	-13.3	29.4	8.7
Perbelanjaan pembangunan kasar	42.5	8.7	101.4	12.7	41.6

[a] awalan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



pemodalan semula institusi kewangan pembangunan terpilih. Pada suku kedua, prestasi hasil pulih dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 8.1%. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat defisit yang lebih besar disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi.

Defisit fiskal dibiayai terutamanya melalui pinjaman dalam negeri. Paras hutang terus kekal pada tahap 47.5% daripada KDNK pada akhir bulan Jun (45.7% pada akhir bulan Mac). Hutang luar negeri adalah terkawal, mencakupi 21.9% daripada hutang Kerajaan Persekutuan.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah yang lebih rendah bagi menyokong aktiviti ekonomi

Dasar monetari bersifat merangsang pada suku kedua 2003. Walaupun ketegangan di Timur Tengah dan kebimbangan terhadap wabak SARS dijangka reda, pertumbuhan ekonomi yang sederhana di negara-negara maju serta volatiliti pasaran kewangan yang berterusan telah meningkatkan lagi ketidaktentuan tentang tahap pemulihan ekonomi dunia pada separuh kedua tahun 2003. Dengan itu, Bank Negara Malaysia telah menurunkan Kadar Campur Tangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% pada 21 Mei 2003. Penurunan Kadar Campur Tangan ini merupakan langkah awalan yang diambil untuk memperkukuh langkah-langkah ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Sebuah tabung khas, iaitu Kemudahan Jaminan Bantuan Khas dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion juga ditubuhkan pada bulan Mei untuk meringankan beban aliran tunai perniagaan para usahawan di sektor pelancongan yang terjejas akibat wabak SARS.

Langkah-langkah yang diambil ini memperlihatkan perkembangan positif yang serta-merta dengan permintaan untuk mudah tunai bertambah kukuh. Penurunan kadar faedah dan pakej ekonomi yang diperkenalkan pada bulan Mei 2003 membantu meningkatkan sentimen perniagaan dan pengguna dalam suasana kebimbangan wabak SARS yang semakin reda. Permintaan untuk pembiayaan yang merosot pada bulan Mei akibat ketidaktentuan terhadap kesan

Kadar Faedah

	2002	2003	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campurtangan 3-bulan	5.0	5.0	4.5
Kadar antara bank (purata)			
Semalaman	2.73	2.81	2.77
1 bulan	2.87	2.99	2.99
Kadar berian pinjaman bank perdagangan	6.39	6.39	6.00
Purata kadar pinjaman bank perdagangan	6.50	6.50	6.22
Kadar deposit tetap bank perdagangan			
3 bulan	3.20	3.20	3.00
12 bulan	4.00	4.00	3.70

Sumber: Bank Negara Malaysia

SARS kembali pulih pada bulan Jun. Semua penunjuk pinjaman mencatat peningkatan yang ketara pada bulan Jun, sementara agregat monetari turut merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi.

Operasi mudah tunai oleh Bank Negara Malaysia di pasaran wang antara bank telah memastikan kadar faedah antara bank terus stabil. Kadar purata berwajaran bulanan bagi wang

Pada akhir bulan Jun 03, kadar pinjaman nominal di Malaysia antara yang terendah...



...manakala, kadar deposit nominal antara yang tertinggi



semalaman, seminggu dan 1-bulan masing-masing berada pada 2.77%, 2.84% dan 2.99% pada akhir bulan Jun (akhir bulan-Mac: masing-masing 2.81%, 2.83% dan 2.99%).

Purata kadar berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan menurun sebanyak 39 mata asas kepada 6%, sementara BLR bagi syarikat kewangan pula menurun sebanyak 55 mata asas kepada 6.9% pada akhir bulan Jun berikutan pengurangan Kadar Campur Tangan sebanyak 50% mata asas kepada 4.5% pada 21 Mei. Secara keseluruhan, penurunan kumulatif kadar purata pinjaman (ALR) bank perdagangan adalah 28 mata asas dan 21 mata asas bagi syarikat kewangan. Persaingan yang lebih sengit turut menyebabkan kadar faedah pinjaman yang lebih rendah, terutamanya untuk pinjaman-pinjaman baru. Pelarasan dalam kadar faedah deposit tetap pula adalah lebih kecil, iaitu 20-30 mata asas bagi bank perdagangan dan 17-28 mata asas bagi syarikat kewangan. Berikutan kadar inflasi yang rendah, iaitu 0.8% pada akhir bulan Jun, penabung terus memperoleh kadar pulangan benar yang positif daripada deposit mereka. Kadar purata deposit tetap benar bank perdagangan bagi tempoh matang 3-bulan dan 12-bulan masing-masing berada pada 2.2% dan 2.9% pada akhir bulan Jun (masing-masing 2.5% dan 3.3% pada akhir bulan Mac). Berbanding dengan ekonomi serantau, kadar pinjaman di Malaysia adalah kompetitif, sementara kadar deposit pula adalah yang tertinggi.

Kelulusan dan pengeluaran pinjaman bertambah kukuh

Kebimbangan dan ketidaktentuan mengenai wabak SARS menyebabkan pertumbuhan pinjaman bank menyederhana sedikit pada bulan Mei. Apabila kesan wabak SARS reda, kadar pertumbuhan pinjaman bank meningkat dengan lebih ketara pada bulan Jun. Keseluruhan aktiviti berian pinjaman bank kekal kukuh pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang mapan. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman masing-masing berjumlah RM53 bilion, RM38.1 bilion dan RM104.5 bilion pada suku kedua (masing-masing sebanyak RM56.1 bilion, RM35.3 bilion dan RM100.4 bilion pada suku pertama). Pada akhir bulan Jun, nisbah pinjaman-deposit meningkat sedikit kepada 83.7% daripada 83% pada akhir bulan Mac. Setelah mengambil kira pegangan sekuriti hutang swasta oleh institusi perbankan, nisbah pinjaman-deposit berada pada 93.8% pada akhir bulan Jun (93.7% pada akhir bulan Mac).

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Permintaan pinjaman untuk pembelian rumah kediaman terus disokong oleh kadar faedah yang rendah dan prospek guna tenaga yang stabil. Kadar faedah pinjaman perumahan yang dikenakan adalah lebih rendah daripada BLR berikutan persaingan yang meningkat. Walau bagaimanapun, permintaan pinjaman untuk pembelian kereta menyederhana, mencerminkan permintaan kereta

Pengeluaran pinjaman kekal tinggi



Penunjuk Pinjaman

	Pada suku					Pertumbuhan tahunan				
	2002	2003				2002	2003			
	S2	S1	Mei	Jun	S2	S2	S1	Mei	Jun	S2
	RM bilion					(%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman	57.8	56.1	16.4	18.3	53.0	n.a.	14.4	-32.6	14.5	-8.2
Kelulusan pinjaman	35.9	35.3	11.2	13.9	38.1	15.7	14.1	-26.1	24.5	6.1
Pengeluaran pinjaman	104.8	100.4	31.8	37.7	104.5	12.6	0.5	-12.5	8.5	-0.3
Bayaran balik pinjaman	100.1	100.9	30.7	31.5	96.8	16.2	4.3	-6.9	-3.9	-3.3
Perubahan baki pinjaman[1]	7.0	1.2	2.2	6.9	10.6	3.8	3.2	2.8	3.9	3.9
Di antaranya:										
Perusahaan perniagaan										
Permohonan pinjaman	33.9	33.7	8.6	9.7	28.3	n.a.	-1.6	-40.2	10.2	-16.7
PKS		12.8	3.0	3.0	9.7					
Lain-lain		20.9	5.7	6.7	18.5					
Kelulusan pinjaman	17.8	18.1	5.3	7.3	19.7	10.2	19.7	-39.5	45.8	10.1
PKS		6.5	1.4	2.2	5.5					
Lain-lain		11.6	3.9	5.2	14.1					
Pengeluaran pinjaman	73.5	68.1	21.4	26.2	71.5	6.6	0.2	-16.9	6.5	-2.8
PKS		21.1	5.8	6.9	19.1					
Lain-lain		47.0	15.6	19.3	52.4					
Bayaran balik pinjaman	69.1	69.4	20.8	21.4	66.3	5.6	5.5	-7.6	-7.0	-4.0
Perubahan baki pinjaman[1]	1.0	-4.5	0.3	4.0	3.8	-2.8	-2.8	-3.4	-1.7	-1.7
PKS	-1.1	2.0	0.1	0.7	1.4	-1.7	1.6	3.2	4.9	4.9
Lain-lain	2.1	-6.6	0.2	3.3	2.4	-3.8	-5.7	-7.5	-5.4	-5.4
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	21.9	21.0	7.5	8.4	24.0	n.a.	19.8	-3.1	14.9	9.5
Kelulusan pinjaman	17.9	16.0	5.9	6.5	18.2	25.6	7.5	-6.5	6.6	1.7
Pengeluaran pinjaman	25.7	26.2	8.6	9.6	27.3	26.1	2.4	-0.8	14.3	6.2
Bayaran balik pinjaman	20.3	22.5	7.0	7.2	21.6	17.8	8.5	4.0	12.1	6.5
Perubahan baki pinjaman[1]	6.7	5.0	1.9	2.1	6.1	16.2	13.5	12.9	12.7	12.7

[1] Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang menyederhana selepas pertumbuhan yang pesat semenjak tiga tahun yang lalu. Permohonan pinjaman oleh isi rumah meningkat pada kadar tahunan sebanyak 9.5% pada suku kedua, mencerminkan terutamanya permintaan untuk pinjaman perumahan dan kredit penggunaan.

Pinjaman sektor isi rumah kekal kukuh



Permintaan untuk pinjaman perniagaan yang terjejas untuk sementara waktu, akibat kesan SARS terhadap sentimen perniagaan pada bulan April dan Mei, meningkat semula pada bulan Jun setelah kebimbangan mengenai wabak SARS dan peperangan di Iraq reda. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan masih meliputi sektor yang luas, terutamanya disalurkan kepada sektor perkilangan serta perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel.

Peningkatan pinjaman khususnya kepada PKS masih kekal mapan. Pinjaman belum jelas yang

Pinjaman mengikut Sektor

	Perubahan pada suku			Baki	% Bhg daripada jumlah
	2002	2003		2003	
	S2	S1	S2	Pada akhir-Jun	
	RM bilion				%
Pinjaman Sistem Perbankan di antaranya:					
Perusahaan perniagaan	1.0	-4.5	3.8	251.4	50.1
Isi rumah	6.7	5.0	6.1	217.9	43.4
Mengikut sektor					
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	0.0	-0.3	-0.1	11.9	2.4
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	0.0	1.2	0.2
Perkilangan	-1.4	-0.8	0.7	67.1	13.4
Sektor harta benda yang luas	3.7	2.9	3.6	192.9	38.4
Pembinaan	1.0	-0.3	-0.8	37.0	7.4
Pembelian rumah kediaman	3.3	3.5	4.0	108.7	21.7
Pembelian harta tanah bukan kediaman	0.0	0.0	0.2	29.8	5.9
Harta tanah	-0.7	-0.2	0.3	17.3	3.5
Bekalan elektrik, gas dan air	1.0	-0.6	0.5	6.7	1.3
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	0.8	-0.5	1.1	40.2	8.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	0.6	-0.8	2.0	12.9	2.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-0.4	-0.7	0.7	32.7	6.5
Kredit penggunaan	3.2	1.3	2.3	85.0	16.9
di antaranya:	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Kad kredit	0.5	0.1	0.4	11.2	2.2
Pembelian kereta penumpang	2.5	1.3	1.8	58.0	11.6
Pembelian sekuriti	-0.5	-0.9	0.1	29.8	5.9
Pembelian kereta pengangkutan	0.0	0.0	0.0	3.1	0.6
Lain-lain	-0.1	1.5	-0.2	18.6	3.7
Jumlah Baki Pinjaman [1]	7.0	1.2	10.6	502.0	100.0

[1]Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta
Sumber: Bank Negara Malaysia

diperuntukkan kepada PKS meningkat sebanyak RM1.4 bilion pada suku kedua, terutamanya disalurkan kepada sektor perkilangan dan sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel. Kesannya, pinjaman PKS mencakupi sebanyak 15.5% daripada jumlah pinjaman belum jelas dan 31% daripada jumlah pinjaman perusahaan

Peningkatan yang mapan dalam berian pinjaman bank kepada PKS



perniagaan pada akhir bulan Jun (masing-masing 15.6% dan 30.9% pada akhir bulan Mac).

Secara agregat, pembiayaan oleh sistem perbankan melalui pemberian pinjaman secara terus dan pegangan sekuriti hutang swasta meningkat sebanyak RM8.5 bilion atau 5.2% pada suku kedua (RM5.5 bilion atau 4.5% pada suku pertama). Jumlah pembiayaan yang diperoleh oleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran bon meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.8% pada akhir bulan Jun 2003 (3.1% pada akhir bulan Mac).

Pembiayaan Bersih melalui Sistem Perbankan dan PDS meningkat ketara sebanyak 7.8%

	Pertumbuhan pada suku (RM bilion)			Pertumbuhan tahunan (pada akhir tempoh, %)	
	2002	2003		2003	
	S2	S1	S2	Mac	Jun
Pembiayaan melalui sistem perbankan	5.0	5.5	8.5	4.5	5.1
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	7.0	1.2	10.6	3.2	3.9
Pegangan PDS	-2.1	4.3	-2.1	29.2	31.9
Jumlah PDS terkumpul[1/] (2)	-19.4	15.5	3.6	2.8	27.2
Jumlah (1) + (2)	-12.4	16.7	14.2	3.1	7.8

[1/] Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat monetari merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi

Pertumbuhan agregat monetari, iaitu M1, M2 dan M3 adalah lebih tinggi dengan masing-masing mengembang pada kadar tahunan sebanyak 10%, 8.6% dan 8.2% pada akhir bulan Jun (masing-masing 8.4%, 5.6% dan 6.7% pada akhir bulan Mac). Ini sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan perbelanjaan penggunaan yang mapan. Permintaan untuk baki urus niaga kekal tinggi, mencerminkan perbelanjaan pengguna oleh sektor isi rumah yang mapan, sementara perusahaan perniagaan terus meningkatkan deposit

permintaan untuk perbelanjaan mereka dalam jangka waktu terdekat ini. Aktiviti pembiayaan bank yang lebih tinggi serta pengembangan operasi Kerajaan merupakan punca utama peningkatan bekalan wang secara luas.

Agregat monetari merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi



Pasaran Modal

Pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan penting

Jumlah kasar dana yang diperoleh di pasaran modal kekal tinggi pada RM21.4 bilion pada suku kedua tahun 2003. Dana kasar diperoleh terutamanya dari pasaran bon (RM21 bilion). Dana kasar dari sektor awam pula diperoleh terutamanya melalui satu terbitan baru dan satu pembukaan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM).

Keadaan kadar faedah yang rendah terus mempengaruhi sektor swasta untuk menerbitkan hutang jangka-panjang dengan kos yang kompetitif. besar Dana yang diperoleh adalah terutamanya untuk pembiayaan semula, yang mencakupi sebanyak 86.5% daripada jumlah dana yang diperoleh dari pasaran sekuriti hutang swasta (SHS). SHS yang diterbitkan untuk aktiviti-aktiviti

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2002		2003 [a]		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	3,181	6,589	17,730	8,132	25,862
Tolak Penebusan	500	5,900	10,300	1,500	11,800
Tolak Milikan Kerajaan	0	0	0	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	2,681	689	7,430	6,632	14,062
Khazanah Bon, *bersih*	0	0	878	(138)	740
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	0	0	1,729	0	1,729
Bon Simpanan Malaysia, *bersih*	(3)	469	(2)	(2)	(4)
Dana bersih yang diperoleh	2,678	1,158	10,035	6,492	16,527
Oleh Sektor Swasta					
Saham	7,193	9,244	601	396	997
Sekuriti hutang [1]	11,189	16,039	17,406	12,911	30,317
Tolak Penebusan	16,739	20,408	2,176	9,237	11,413
Bersamaan Keluaran bersih	(5,550)	(4,369)	15,230	3,674	18,904
Dana bersih yang diperoleh	1,643	4,875	15,831	4,070	19,901
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	4,321	6,033	25,866	10,562	36,428
Kertas dan nota jangka-pendek, *bersih* [2]	(813)	(2,274)	743	85	828
Jumlah	3,508	3,759	26,609	10,647	37,256

[1] Tidak termasuk sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh institusi perbankan.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.
[a] Awalan

baru dan untuk tujuan penstrukturan hutang, masing-masing mencakupi 10.4% dan 3.1%. Sepanjang suku ini, penebusan yang tinggi telah dicatat oleh kedua-dua sektor awam dan swasta. Pada akhir Jun, jumlah bon terkumpul adalah sebanyak RM308 bilion, dan daripada jumlah tersebut, sektor swasta mencakupi sebanyak 54.1%.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan



BSKL: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2002		2003		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
Indeks Harga					
- Komposit	725.44	725.44	635.72	691.96	691.96
- EMAS	176.50	176.50	153.98	170.23	170.23
- Papan Kedua	119.84	119.84	93.00	108.96	108.96
Purata Urus niaga harian					
- Jumlah (juta unit)	299.3	302.0	213.6	286.7	251.4
- Nilai (RM juta)	643.8	640.1	367.1	457.2	413.7
Permodalan Pasaran (RM b)	505.89	505.89	478.30	532.45	532.45
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	843	843	874	877	877

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Kedua 2003



Jumlah dana yang diperoleh dari pasaran ekuiti pula berjumlah RM396 juta pada suku kedua. Sejumlah tujuh terbitan awam awal diterbitkan. Dua daripadanya disenaraikan di Papan Utama, tiga di Papan Kedua dan dua di Pasaran MESDAQ. Jumlah dana yang diperoleh dari terbitan awam awal adalah RM173.4 juta dan sebahagian besar diterbitkan oleh syarikat-syarikat dari sektor infrastruktur, barangan industri dan teknologi. Sepanjang suku ini, empat syarikat telah dikeluarkan daripada status tersenarai.

BSKL: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2002				2003					
	S1		ST1		S1		S2		ST1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	18,555	39,913	36,239	76,808	12,387	21,294	17,775	28,349	30,162	49,642
di antaranya:										
Papan Utama	16,122	35,720	30,891	66,765	10,609	19,397	14,421	24,648	25,030	44,045
di antaranya										
- Barangan Pengguna	406	2,473	1,053	5,089	309	1,481	509	1,959	818	3,440
- Barangan Perusahaan	1,069	1,939	2,361	3,686	711	1,535	1,429	2,105	2,139	3,640
- Pembinaan	1,458	3,290	2,643	5,950	1,482	1,687	1,181	1,796	2,663	3,483
- Perdagangan/Perkhidmatan	4,384	13,211	7,457	23,384	2,791	7,165	3,329	9,009	6,119	16,173
- Kewangan	2,000	6,949	4,670	14,366	1,532	3,784	1,908	4,422	3,440	8,205
- Harta benda	2,173	2,135	3,695	3,514	1,370	966	2,942	2,210	4,312	3,176
- Perladangan	415	1,739	756	3,009	296	1,283	307	1,129	602	2,413
- Perlombongan	98	290	160	402	48	91	53	92	101	183
Papan Kedua	2,320	4,117	5,208	9,932	1,591	1,807	2,685	3,377	4,276	5,184

Prestasi lebih baik di pasaran ekuiti

Secara keseluruhan, prestasi Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (IK BSKL) meningkat sebanyak 8.8% pada suku kedua berbanding suku pertama 2003 dan sebanyak 7.1% berbanding akhir tahun 2002. Permodalan pasaran serta aktiviti dagangan sepanjang suku tersebut juga meningkat dengan ketara berbanding suku sebelumnya. Prestasi pasaran meningkat berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik disebabkan oleh pengumuman pakej ekonomi baru oleh Kerajaan, kesan SARS yang terkawal serta perlaksanaan lot niaga seragam 100 unit yang membantu menggalakkan penglibatan pelabur runcit.

Urus niaga sekunder di pasaran bon juga meningkat kepada RM153.1 billion (S1 2003: RM132.3 billion), dengan pelabur-pelabur terus memilih pelaburan yang memberi hasil tetap berikutan kebimbangan terhadap kesan SARS dan jangkaan penurunan kadar faedah. Dari segi jumlah urus niaga, aktiviti dagangan tertumpu kepada sekuriti Kerajaan dan separa-Kerajaan. Aktiviti dagangan di pasaran SHS juga meningkat dengan lebih tinggi dan mencakupi 24.7% daripada jumlah urus niaga pada suku kedua. (16.8% pada suku sebelumnya). Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Hutang Kerajaan merupakan sekuriti yang paling cair, masing-masing merekodkan jumlah urus niaga sebanyak 2.11 kali dan 0.69 kali daripada jumlah terkumpul. Kecairan di pasaran SHS meningkat berikutan peningkatan kadar kecairan kepada 0.25 kali daripada 0.15 kali pada suku sebelumnya.

Nisbah Mudah Tunai



Kadar pertukaran ringgit terus menyokong perdagangan dan pelaburan

Selaras dengan kelemahan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menyusut berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau pada suku kedua tahun 2003. Dolar terjejas dengan kebimbangan pasaran mengenai kelemahan ekonomi AS dan tanggapan bahawa pihak pentadbiran AS tidak lagi mengamalkan dasar 'dolar yang kukuh'. Sebaliknya, euro terus menunjukkan trend yang meningkat dengan mencecah tahap tertingginya dalam masa 4 tahun pada 29 Mei,

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



melebihi tahap ketika ia diperkenalkan pada bulan Januari 1999. Mata wang euro telah disokong oleh aliran masuk modal ke dalam aset-aset euro yang memberi pulangan yang tinggi dan penyelarasan pegangan mata wang global.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Bagi mata wang serantau, rupiah Indonesia menambah nilai dengan ketara berikutan asas-asas ekonomi yang bertambah baik dan aliran masuk modal yang kukuh. Kadar pertukaran ringgit terus mendapat sokongan daripada paras rizab mata wang asing yang kukuh, kadar inflasi yang rendah, lebihan dalam akaun semasa yang berterusan, hutang luar negeri yang rendah, serta sistem perbankan yang kukuh dan berdaya tahan.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir-Jun 1997	2 September 1998	Akhir-S1 2003	Akhir-S2 2003	% perubahan [1] Akhir-Jun 1997	2 September 1998	Akhir-S1 2003
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.1145	4.3463	-	-	-5.3
Paun sterling	4.1989	6.3708	5.9898	6.2835	-33.2	1.4	-4.7
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.1774	3.1708	-30.3	-12.5	0.2
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.1523	2.1631	-18.4	1.7	-0.5
100 baht Thai	9.7470	9.3713	8.8588	9.0541	7.7	3.5	-2.2
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	7.0948	7.0995	35.0	24.4	-0.1
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0427	0.0459	126.1	-22.9	-7.0
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3019	0.3178	-10.6	-11.0	-5.0

Nota:
[1] (+) menununjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunujukkan penyusutan nilai.

PERKEMBANGAN SISTEM PERBANKAN

Sistem perbankan mengekalkan kekukuhan dan daya tahannya pada suku kedua tahun 2003, seperti yang dicerminkan oleh penunjuk kewangan yang kukuh tanpa sebarang tanda kelemahan pada sistem dan institusi perbankan. Antara perkembangan yang penting adalah peningkatan dalam kualiti portfolio pinjaman dan tahap permodalan yang tinggi.

Permodalan kekal pada tahap yang tinggi

Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras, masing-masing berada pada paras melebihi 13% dan 10% sepanjang suku kedua. RWCR berada pada 13.1% pada akhir bulan Jun 2003. Tahap modal yang kukuh telah meningkatkan kapasiti sistem perbankan untuk memberi pinjaman baru. Sementara itu, modal Kumpulan-1 menurun sebanyak RM1.1 bilion atau 1.8% berikutan penggabungan dua bank perdagangan. Kesannya, nisbah modal teras menurun sedikit kepada 10.6% pada akhir bulan Jun 2003.

Operasi perbankan kekal menguntungkan dalam keadaan persaingan yang hebat

Sistem perbankan mencatat keuntungan operasi kasar sebanyak RM2.9 bilion pada suku kedua, seperti yang dicapai pada suku pertama tahun 2003. Persaingan yang meningkat dalam pasaran pinjaman, terutamanya pinjaman kepada sektor isi rumah, menyebabkan tiada pertumbuhan dalam pendapatan faedah bersih. Di samping itu, pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM0.9 bilion (peningkatan sebanyak RM0.5 bilion) daripada aktiviti berasaskan fi telah mengimbangi peningkatan dalam kos pentadbiran. Walau bagaimanapun, pemulihan yang meningkat sebanyak RM2.4 bilion (kenaikan sebanyak RM1.4 bilion) dan pendapatan perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak RM1.5 bilion (kenaikan sebanyak RM0.5 bilion) telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan sebelum cukai sistem perbankan sebanyak 16% kepada RM2.8 bilion.

Permodalan Sistem Perbankan

	2002			2003	
	Jun.	Sep.	Dis.	Mac.	Jun.
Nisbah modal teras (%)	10.9	11.0	11.1	11.0	10.6
RWCR (%)	13.2	13.3	13.2	13.2	13.1

Pinjaman tidak berbayar menurun

Tahap pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan pada suku kedua tahun 2003 bertambah baik disebabkan peningkatan pelupusan hutang dan pelaksanaan skim penstrukturan semula hutang. Pinjaman tidak berbayar bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan menurun kepada RM29.6 bilion atau 6.8% daripada jumlah pinjaman bersih daripada 7% pada akhir bulan Mac 2003 (klasifikasi tiga bulan: menurun kepada 9.5% daripada 9.9% pada akhir bulan Mac 2003). Pada suku kedua, sebanyak RM2.5 bilion hutang telah dihapus kira manakala pemulihan diperolehi berjumlah RM2.4 bilion. Hutang yang diklasifikasi sebagai tidak berbayar pada suku kedua tahun 2003 berjumlah RM5.6 bilion, iaitu penurunan sebanyak 9.4% berbanding RM6.2 bilion pada suku pertama tahun 2003. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman kekal pada paras yang selesa iaitu 61.1%.

Sistem Perbankan: Pinjaman tidak berbayar (NPL)



Dari segi sektor ekonomi, paras NPL untuk sektor perniagaan menurun sebanyak RM1.8 bilion, iaitu mencakupi 16.4% daripada jumlah pinjaman sektor perniagaan disebabkan oleh penukaran pinjaman sektor pembuatan dan pembinaan kepada bon sebagai sebahagian daripada aktiviti penstrukturan semula hutang. Sementara itu, NPL untuk sektor isi rumah meningkat sedikit sebanyak RM0.2 bilion kepada RM17.1 bilion dengan NPL untuk pembelian hartanah kediaman meningkat sebanyak RM0.3 bilion kepada RM9.6 bilion. Peningkatan NPL di sektor isi rumah berada dalam keadaan yang terkawal, dengan NPL sektor isi rumah mencakupi 8.5% daripada jumlah pinjaman sektor isi rumah.

Perubahan dalam Corak Pembiayaan Ekonomi

Pengenalan

Dengan pengukuhan sistem perbankan, pertumbuhan berian pinjaman bank menjadi semakin kukuh dalam menyediakan keperluan pembiayaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Semenjak tahun 2000, terdapat perubahan yang ketara dalam corak berian pinjaman bank sejajar dengan perubahan struktur ekonomi dan sumber pertumbuhan ekonomi.

Peningkatan dalam berian pinjaman bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri

Dalam keadaan lebihan mudah tunai dan kadar faedah yang rendah, berian pinjaman bank diteruskan semula sejak krisis tahun 1998 untuk menyokong tahap aktiviti ekonomi yang lebih tinggi. Dari segi nilai, permohonan dan kelulusan pinjaman pada tahun 2002 mencatatkan tahap yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Pinjaman yang dikeluarkan pada tahun 2002 adalah lebih tinggi daripada tahap yang dicatatkan pada tahun 1997. Pada enam bulan pertama tahun 2003, permohonan dan kelulusan pinjaman terus meningkat dengan masing-masing mencatat purata bulanan sebanyak RM18.2 bilion dan RM12.2 bilion (masing-masing sebanyak RM18.1 bilion dan RM11.5 bilion pada tahun 2002). Walaupun terdapat ketidakpastian berikutan ketegangan geopolitik dan wabak SARS, pengeluaran pinjaman kekal tinggi pada purata bulanan sebanyak RM34.2 bilion (RM34.3 bilion pada tahun 2002). Sementara pertumbuhan aktiviti berian pinjaman dicerminkan dalam permohonan, kelulusan dan pengeluaran yang lebih tinggi, pertumbuhan dalam pinjaman belum jelas juga mencerminkan tahap bayaran balik pinjaman yang tinggi. Bayaran balik pinjaman yang ketara ini adalah hasil daripada aktiviti penstrukturan dan pembiayaan semula yang

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman

	Purata bulanan							Pertumbuhan tahunan	
	1997	1998	1999	2000	2001	2002	J-Jun 03	2002	Jun-03
	RM bilion							%	
Jumlah									
Permohonan pinjaman	20.9	7.4	10.7	17.4	15.9	18.1	18.2	14.1	14.5
Kelulusan pinjaman	17.7	5.5	8.7	11.2	10.5	11.5	12.2	9.7	24.5
Pengeluaran pinjaman	28.2	20.9	26.5	30.1	31.1	34.3	34.2	10.3	8.5
Bayaran balik pinjaman	22.3	22.5	27.7	28.9	30.4	33.6	32.9	10.3	-3.9
Perubahan baki pinjaman	7.4	0.4	0.1	2.0	1.4	1.7	2.0	4.2	3.9
Yang mana:									
Sektor perniagaan									
Permohonan pinjaman	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	11.3	10.3	n.a.	10.2
Kelulusan pinjaman	13.4	3.9	5.1	6.6	5.3	5.7	6.3	7.9	45.8
Pengeluaran pinjaman	23.2	17.6	21.4	22.5	22.5	23.5	23.3	4.3	6.5
Bayaran balik pinjaman	18.5	19.0	22.4	22.4	23.1	23.0	22.6	-0.3	-7.0
Perubahan baki pinjaman	4.2	0.2	0.5	0.3	-0.5	-0.3	-0.1	-2.1	-1.7
Sektor isi rumah									
Permohonan pinjaman	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	6.8	7.5	n.a.	14.9
Kelulusan pinjaman	3.6	1.4	3.3	4.4	4.9	5.6	5.7	13.5	6.6
Pengeluaran pinjaman	3.9	2.6	4.1	6.3	7.2	8.8	8.9	21.1	14.3
Bayaran balik pinjaman	3.0	2.8	4.2	5.4	6.0	7.0	7.3	17.3	12.1
Perubahan baki pinjaman	2.7	-0.4	0.3	1.4	1.9	2.2	1.8	14.8	12.7

Pinjaman Sistem Perbankan[1] Mengikut Pelanggan , 2001 - Jun 2003
Jumlah Baki pada akhir tempoh, RM bilion

	2000	% bahagian	2002	% bahagian	Purata Pertumbuhan Tahunan 2001-2002	Jun 2003	% bahagian	Pertumbuhan Tahunan pada akhir Jun-03
Pinjaman yang diberikan kepada:								
Sektor isi rumah	157.4	34.7	206.8	42.2	14.6	217.9	43.4	12.7
Sektor perniagaan	260.7	57.4	252.1	51.4	-1.6	251.4	50.1	-1.7
Perusahaan Kecil dan Sederhana	70.5	15.5	74.6	15.2	2.8	78.0	15.5	4.9
Lain-lain	190.1	41.9	177.6	36.2	-3.4	173.4	34.5	-4.4
Lain-lain [2]	36.0	7.9	31.3	6.4	-6.7	32.7	6.5	-4.6
JUMLAH [3]	454.0	100.0	490.3	100.0	3.9	502.0	100.0	3.9

[1] Termasuk bank-bank Islam
[2] Lain-lain merujuk kepada Kerajaan, institusi kewangan, entiti tempatan lain dan entiti asing.
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta

menyebabkan sama ada pinjaman ini dihapus kira oleh institusi perbankan, atau dibiayai semula melalui pasaran bon atau ditukar kepada ekuiti.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempertingkat sumber pertumbuhan dalaman, usaha-usaha telah diambil bagi meningkatkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kepada pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Penggunaan dalam negeri swasta juga digalakkan untuk terus menyokong pertumbuhan. Sistem perbankan memberi tindak balas positif terhadap anjakan dasar dengan berian pinjaman bank beralih kepada berian pinjaman yang lebih tinggi kepada pengguna dan PKS. Corak berian pinjaman juga berubah dari segi struktur tempoh matang pinjaman, iaitu lebih menjurus kepada pinjaman berjangka pendek untuk kegunaan modal kerja memandangkan syarikat-syarikat besar dengan keperluan pembiayaan jangka panjang telah menerbitkan lebih banyak sekuriti hutang swasta (PDS) bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. Secara keseluruhan, perubahan corak tersebut meningkatkan bahagian pinjaman pengguna dan PKS daripada jumlah berian pinjaman bank.

Sumber pembiayaan yang lebih pelbagai

Walaupun sektor perbankan kekal sebagai sumber pembiayaan paling utama, syarikat-syarikat besar semakin banyak memperoleh dana daripada pasaran bon untuk memenuhi keperluan pembiayaan modal jangka panjang mereka. Pada tempoh tahun 1997 sehingga Jun 2003, penstrukturan hutang yang ketara juga menyebabkan pembiayaan semula hutang yang sedia ada dengan terbitan sekuriti hutang swasta. Oleh itu, terbitan PDS meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 12.8% dalam tempoh 1998-2002 dengan nisbah nilai terkumpul PDS kepada KDNK meningkat daripada 16.5% pada tahun 1997 kepada 32.2% pada akhir bulan Jun 2003. Dalam suasana kadar faedah yang rendah, syarikat-syarikat besar menerbitkan PDS untuk mendapatkan dana jangka panjang pada kos yang rendah. Terbitan PDS juga membantu memastikan projek yang mempunyai tempoh tunggu hasil yang panjang dibiayai oleh dana jangka panjang. Ini boleh mengurangkan risiko ketidaksepadanan tempoh matang untuk syarikat dan berjaya mempertingkatkan pengurusan risiko

bagi pihak syarikat dan sistem perbankan. Terbitan PDS daripada bulan Januari 2001 hingga bulan Jun 2003 berjumlah sebanyak RM86.4 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 53.7% daripada terbitan sebanyak RM56.2 bilion yang dicatat pada tempoh 1998-2000. Terbitan pada separuh pertama tahun 2003 melebihi jumlah terbitan untuk keseluruhan tahun 2002.

Institusi perbankan terus menyalurkan pembiayaan tidak langsung kepada sektor perniagaan melalui pegangan PDS yang ketara yang diterbitkan oleh sektor swasta. Dengan mengambil kira pembiayaan tidak langsung ini, jumlah pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 4.8% pada tempoh 2001-2002 dan 5.2% pada akhir bulan Jun 2003. Kesannya, nisbah pinjaman kepada deposit, termasuk pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan berada pada paras 93.8% pada akhir bulan Jun 2003 (92% pada akhir tahun 2000). Selepas mengambil kira penebusan PDS, pembiayaan bersih yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran PDS meningkat sebanyak 3.5% pada tempoh 2001-2002 dan pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 7.8% pada akhir bulan Jun 2003.

Syarikat-syarikat besar lebih banyak memperoleh dana daripada pasaran bon. Terbitan pada separuh pertama tahun 2003 telah melebihi jumlah terbitan untuk keseluruhan tahun 2002

Terbitan Kasar PDS



Pembiayaan melalui Sistem Perbankan[1] dan PDS, 2001- Jun 2003 Jumlah baki pada akhir tempoh, RM billion

	2000	2002	Purata Pertumbuhan Tahunan 2001-2002	Jun-03	Pertumbuhan Tahunan pada akhir Jun 03
Pembiayan oleh sistem perbankan	**472.1**	**518.4**	**4.8**	**532.4**	**5.1**
Baki Pinjaman[2](A)	454.0	490.3	3.9	502.0	3.9
Pegangan PDS	18.1	28.1	24.8	30.4	31.9
Baki PDS[3](B)	**100.5**	**104.0**	**1.7**	**123.1**	**27.2**
Jumlah (A) + (B)	**554.5**	**594.2**	**3.5**	**625.1**	**7.8**

1 Termasuk bank-bank Islam
2 Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta
3 Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun. Tidak termasuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.

Pertumbuhan ketara dalam berian pinjaman kepada isi rumah mencerminkan dasar menggalakkan penggunaan dalam negeri

Dasar untuk merangsang perbelanjaan penggunaan melalui langkah-langkah monetari dan fiskal telah menyumbang kepada peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan penggunaan. Sejajar dengan pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta, pembiayaan yang disalurkan kepada isi rumah oleh sistem perbankan meningkat dengan ketara pada kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 14.6% bagi tempoh tahun 2001-2002 dan sebanyak 12.7% pada akhir bulan Jun 2003. Pertumbuhan yang pesat dalam pinjaman isi rumah ini telah meningkatkan bahagian pinjaman isi rumah daripada jumlah pinjaman belum jelas kepada 43.4% pada akhir bulan Jun 2003, daripada 34.7% pada akhir tahun 2000. Daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah pada tempoh tersebut, 31.8% adalah untuk pembelian rumah, 26.4% untuk pembiayaan kereta

Arah aliran menaik berian pinjaman kepada sektor isi rumah, selaras dengan pertumbuhan kukuh dalam penggunaan swasta

Berian Pinjaman kepada Sektor Isi Rumah (Purata Bulanan, RM bilion)



dan 41.8% untuk kredit penggunaan. Berian pinjaman kepada sektor isi rumah yang lebih tinggi tidak mewujudkan risiko yang lebih tinggi, memandangkan kadar simpanan isi rumah Malaysia yang tinggi. Risiko pinjaman perumahan menjadi tidak berbayar kekal pada paras 8.8%, iaitu kadar yang terendah berbanding dengan pinjaman tidak berbayar untuk kategori yang lain. Institusi perbankan juga mempunyai kapasiti untuk memantau pendedahan kepada pinjaman mereka melalui Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) bagi memastikan yang pendedahan kepada sektor isi rumah kekal pada tahap berhemat.

Kadar mungkir pinjaman isi rumah adalah rendah pada 8.8%

Pinjaman Tidak Berbayar Sistem Perbankan Nisbah kepada jumlah baki pinjaman pada akhir Jun 2003



* Termasuk kereta penumpang

Pertumbuhan yang kukuh dalam berian pinjaman kepada PKS

Satu lagi perkembangan yang penting ialah kenaikan dalam berian pinjaman kepada PKS. Pinjaman belum jelas yang disalurkan kepada PKS meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 2.8% pada tempoh 2001-2002 dan pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 4.9% pada akhir bulan Jun 2003. Data yang diperoleh untuk tahun 2002 dan separuh pertama tahun 2003 menunjukkan sejumlah RM42.7 bilion pinjaman diluluskan kepada 111,881 PKS. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM89.7 bilion. Ini mencerminkan kadar pusingan pinjaman yang lebih tinggi. Pada enam bulan pertama tahun 2003 sahaja, sebanyak RM12 bilion diluluskan kepada lebih daripada 37,000 PKS sementara pengeluaran pinjaman berjumlah

Berian pinjaman kepada PKS semakin mendapat keutamaan seperti yang dicerminkan oleh kenaikan bahagian pinjaman PKS daripada jumlah portfolio pinjaman perniagaan

Baki Pinjaman kepada PKS

(% bahagian daripada pinjaman perniagaan)



Status Tabung-Tabung Khas di bawah Pengurusan Bank Negara Malaysia, 2000 - Jun 2003

	Jumlah Peruntukan pada akhir Jun-03	Kelulusan pinjaman				Kadar Penggunaan pada akhir Jun-03	Pengeluaran pinjaman			
		Jumlah pada akhir		Perubahan (2001-Jun 2003)			Jumlah pada akhir		Perubahan (2001-Jun 2003)	
		2000	Jun 2003				2000	Jun 2003		
	RM juta				%	%	RM juta			%
Tabung untuk Makanan	1,300	854	1,386	532	62.3	106.6	740	1,216	476	64.4
Tabung Usahawan Baru 2	900	0	802	802	-	89.1	0	591	591	-
Tabung IKS 2	1,250	99	1,506	1,406	1,416.7	120.5	43	1,077	1,035	2,424.9
Tabung Projek Usahawan Bumiputra	300	0	407	407	-	135.8	0	324	324	-
Tabung Pemulihan IKS	500	288	326	38	13.2	65.2	235	297	62	26.5
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan	500	0	3	3	-	0.6	0	1	1	-
JUMLAH	**4,750**	**1,241**	**4,430**	**3,189**	**256.9**	**93.3**	**1,017**	**3,506**	**2,489**	**244.7**

RM40.2 bilion berbanding RM49.5 bilion bagi keseluruhan tahun 2002. Pada akhir bulan Jun 2003, pinjaman PKS mencakupi 31% daripada jumlah pinjaman perniagaan berbanding dengan 26.4% pada akhir tahun 1999.

Berian pinjaman kepada PKS yang lebih tinggi adalah berikutan usaha-usaha terancang untuk meningkatkan kemudahan pembiayaan kepada kumpulan ini (butir-butir terperinci dalam rencana berikut). Langkah-langkah tertumpu kepada pembangunan infrastruktur untuk menyokong peningkatan kemudahan mendapatkan pembiayaan oleh PKS. Institusi perbankan kini telah menubuhkan unit khas bagi pembiayaan PKS, Unit Pemulihan Pinjaman dan Unit Pembangunan Bumiputera. Syarikat Jaminan Kredit (CGC) dan ERF Sdn Bhd juga ditingkatkan. Di Bank Negara Malaysia, sebuah Unit Khas PKS telah ditubuhkan. Langkah-langkah lain termasuk pengukuhan keberkesanan tabung-tabung khas dengan memperluas skop dan saiz tabung-tabung tersebut, meliberalisasi kriteria kelayakan beberapa tabung khas terpilih, menubuhkan tabung-tabung baru serta menurunkan kos pinjaman. Sehingga kini, sejumlah RM4.8 billion diperuntukkan untuk tabung-tabung khas ini. Kadar penggunaan tabung-tabung ini juga tinggi. Sebanyak RM4.4 bilion telah diluluskan dan sejumlah RM3.5 bilion dikeluarkan pada akhir bulan Jun 2003.

Berian Pinjaman Sistem Perbankan[1] kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), 2002-Jun 2003

	2002	Jan-Jun 2003	Jumlah	% bahagian daripada jumlah pinjaman	% bahagian daripada pinjaman perniagaan
(Pada tempoh ini, RM bilion)					
Jumlah pinjaman yang diluluskan	30.7	12.0	42.7	20.2	40.2
Jumlah pinjaman yang dikeluarkan	49.5	40.2	89.7	14.5	21.3
(Pada tempoh ini, Unit)					
Bilangan pinjaman yang diluluskan	74,233	37,648	111,881	3.5	n.a.

[1] Termasuk bank-bank Islam

Berian pinjaman bank kepada sektor perniagaan kini lebih terpencong kepada pembiayaan jangka pendek

Corak struktur tempoh matang pinjaman juga berubah, mencerminkan perubahan dalam sumber pertumbuhan ekonomi yang dipandu oleh pertumbuhan dalam negeri dan daripada diterajui pelaburan kepada peningkatan penggunaan serta pergantungan syarikat-syarikat besar kepada pasaran PDS yang semakin meningkat untuk memenuhi keperluan dana jangka panjang mereka. Ini menyumbang kepada kenaikan dalam permintaan untuk pinjaman jangka pendek. Syarikat-syarikat besar menggunakan kemudahan kredit pusingan dan kemudahan overdraf dari sistem

Syarikat-syarikat besar terus memperoleh pembiayaan jangka pendek mereka daripada bank. Ini dicerminkan oleh pengeluaran dan bayaran balik pinjaman yang tinggi

Berian Pinjaman kepada Sektor Perniagaan



Peningkatan dalam pinjaman jangka panjang disebabkan terutamanya oleh pinjaman jangka panjang oleh sektor isi rumah

Pinjaman Berjangka Panjang Sistem Perbankan



perbankan untuk membiayai modal kerja jangka pendek mereka. Hasilnya, pinjaman jangka panjang dengan tempoh matang melebihi satu tahun yang diberikan kepada sektor perniagaan mencakup hanya 26.3% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Jun 2003, iaitu menurun daripada 30% pada akhir tahun 1997. Bagi sektor isi rumah pula, kredit penggunaan kebanyakannya mempunyai tempoh matang jangka pendek sementara pinjaman perumahan dan kereta mempunyai tempoh matang lebih daripada satu tahun. Dengan pertumbuhan pesat dalam pinjaman pengguna, bahagian pinjaman perumahan dan kereta meningkat daripada 20.6% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 1997 kepada 35.7% pada akhir bulan Jun 2003.

Permintaan untuk dana berjangka pendek oleh sektor perniagaan menghasilkan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi serta bayaran balik pinjaman yang tinggi. Kesannya, walaupun pinjaman yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat besar mencakup 48.5% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan, bahagian pinjaman kumpulan ini menurun kepada 34.5% daripada jumlah pinjaman belum jelas pada akhir bulan Jun 2003, daripada 41.9% pada akhir tahun 2000. Oleh itu, walaupun aktiviti permbiayaan yang lebih pesat ini tidak dicerminkan dalam baki pinjaman, kadar pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dan kesan penggandanya ke atas ekonomi adalah penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Strategi Menyeluruh bagi Meningkatkan Kemudahan Pembiayaan untuk PKS

Sehingga kini, beberapa langkah telah diambil untuk memperbaiki kemudahan mendapatkan kredit bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengiktiraf peranan mereka yang semakin menonjol, sebagai sumber dinamisme penting dan daya penggerak ekonomi yang mempunyai asas yang meluas dan berdaya maju pada masa hadapan.

i. Penubuhan unit PKS di institusi perbankan

· Selain menjalankan aktiviti pemberian pinjaman biasa, peranan dan fungsi unit ini termasuk menyediakan perkhidmatan tambahan lain seperti:
  - Mengenal pasti dan menstruktur keperluan kewangan yang bersesuaian dengan keperluan PKS;
  - Menganjurkan kursus latihan, bengkel dan program pendidikan lain secara bersendiarian atau usaha sama dengan agensi Kerajaan atau badan-badan lain;
  - Menyediakan khidmat pengurusan tunai; dan
  - Menyediakan khidmat tambahan lain seperti pengurusan kewangan dan perlindungan insurans.

ii. Penubuhan Unit Khas PKS di Bank Negara Malaysia

· Unit Khas PKS membantu PKS dalam bidang-bidang berikut:
  - Memberikan maklumat mengenai pelbagai sumber pembiayaan yang sedia ada kepada PKS;
  - Membantu PKS dalam proses permohonan pinjaman;
  - Membantu PKS yang berdaya maju tetapi menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan;
  - Menyediakan khidmat nasihat berhubung lain-lain keperluan kewangan PKS.

· Syarikat PKS yang memerlukan bantuan boleh menghubungi Unit Khas ini di antara jam 0900-1700 di nombor-nombor berikut:

Nombor telefon:
03-2693 2330, 03-2691 4570, 03-2691 6539, 03-2691 3764, 03-2691 6971, 03-2691 3486, 03-2698 0157

Nombor faks:
03-2691 6954, 03-2698 6705, 03-2691 7052

· Pada 18 Ogos 2003, Unit ini menerima 1,214 pertanyaan daripada orang ramai. Sebanyak 84% daripadanya adalah pertanyaan mengenai isu pembiayaan, terutamanya berkenaan sumber pembiayaan yang sedia ada.

iii. Tabung-tabung Khas yang diuruskan oleh Bank Negara Malaysia

· Semenjak tahun 1988, Bank Negara Malaysia menyediakan 12 tabung yang

berlainan untuk PKS, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM8.75 bilion. Tujuan diadakan tabung-tabung ini adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan pada kadar faedah yang berpatutan kepada PKS di pelbagai sektor dalam ekonomi. Pada masa ini, terdapat enam tabung yang masih dibuka untuk permohonan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM4.75 bilion.

- Untuk meningkatkan kemudahan mendapatkan dana untuk PKS, langkah-langkah berikut telah diambil:
  - Kadar berian pinjaman yang dikenakan ke atas peminjam yang sedia ada dan baru daripada tabung-tabung khas ini dikurangkan sebanyak 0.5 mata peratusan pada tahun 2001; dan
  - peruntukan untuk Tabung PKS 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 telah dinaikkan masing-masing sebanyak RM250 juta pada bulan Oktober 2002. Saiz tabung ini juga telah ditingkatkan lagi masing-masing sebanyak RM600 juta dan RM400 juta pada bulan Mac 2003, dengan jumlah peruntukan masing-masing meningkat kepada RM1,250 juta dan RM900 juta.

- Pada akhir bulan Julai 2003, sejumlah RM4.6 bilion daripada tabung-tabung khas ini telah diluluskan daripada enam tabung ini kepada lebih daripada 13,000 peminjam, dengan pengeluaran pinjaman berjumlah RM3.7 bilion.

iv. Meningkatkan peranan Syarikat Jaminan Kredit (CGC)

- Pada tahun 2000, BNM telah menyuntik RM1 bilion ke dalam CGC untuk mengukuhkan kedudukan modalnya, seterusnya membolehkan CGC memberi lebih banyak jaminan. Di samping itu, CGC mengambil langkah-langkah berikut untuk meningkatkan peranannya sebagai pemberi jaminan:
  - Memperkenalkan Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) pada tahun 2000. Di bawah skim ini, kesemua permohonan yang memerlukan jaminan akan diproses oleh CGC dan permohonan yang berjaya akan dihantar kepada institusi perbankan (mengikut amalan biasa, pihak bank memproses pinjaman tersebut dan mendapatkan jaminan daripada CGC);
  - Meningkatkan rangkaian cawangannya kepada 12 cawangan; dan
  - Melancarkan 'i-Jaminan' pada tahun 2001 untuk membolehkan PKS menghantar permohonan pinjaman secara terus melalui laman webnya.

- Pada akhir bulan Julai 2003, pinjaman belum jelas yang dijamin oleh CGC di bawah enam skimnya berjumlah RM8.38 bilion.

v. Penubuhan Unit Pembangunan Bumiputera

- Kesemua bank perdagangan telah menubuhkan Unit Pembangunan Bumiputera di bank masing-masing untuk menangani keperluan pembiayaan dan pembangunan usahawan Bumiputera.

vi. Penubuhan Unit Pemulihan Pinjaman Khas

- Untuk menangani pengurusan pinjaman yang bermasalah, kesemua institusi perbankan telah menubuhkan Unit Pemulihan Pinjaman Khas untuk memenuhi beberapa objektif yang luas seperti berikut:
  - Untuk mengasingkan pengurusan pinjaman yang bermasalah daripada pengurusan dan pentadbiran kredit harian yang biasa; dan
  - Untuk menyediakan sumber-sumber yang berdedikasi dari segi personel dan kepakaran untuk mengambil alih pengurusan pinjaman yang bermasalah secara sepenuh masa.

vii. Garis Panduan Berian Pinjaman

- Untuk memastikan kemudahan mendapatkan pembiayaan yang berterusan kepada PKS, Bank Negara Malaysia akan terus menentukan sasaran berian pinjaman bagi sesebuah bank berdasarkan kapasiti masing-masing.

viii. Penubuhan Kemudahan Jaminan Bantuan Khas dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk mengatasi masalah aliran tunai yang dihadapi oleh sektor perniagaan yang terjejas oleh wabak SARS (aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan)

- Kemudahan ini menyediakan jaminan sebanyak 80% daripada pembiayaan baru bagi modal kerja yang diperoleh oleh perniagaan tersebut daripada bank perdagangan, bank Islam, syarikat kewangan, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad and Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad.
  - Jumlah pembiayaan maksimum dalam agregat adalah sebanyak RM2.5 juta bagi setiap kumpulan syarikat;
  - Kadar pembiayaan yang dikenakan adalah sebanyak 3.75% setahun bagi tahun pertama dan tidak lebih daripada kadar 3-bulan KLIBOR+1% untuk tahun berikutnya.
  - Tempoh pembiayaan maksimum adalah selama dua tahun, dengan tempoh penangguhan pembayaran balik pinjaman selama enam bulan.

- Sehingga kini, institusi perbankan telah menerima 77 permohonan (RM68.2 juta), dengan 29 permohonan diluluskan (RM21.1 juta). Lapan permohonan (RM9.8 juta) ditolak disebabkan pemohon tidak memenuhi kriteria kelayakan.

ix. Mempamerkan Piagam Pelanggan

- Untuk meningkatkan keberkesanan proses kelulusan pinjaman, institusi perbankan dikehendaki mempamerkan Piagam Pelanggan berkenaan pemprosesan pinjaman kepada PKS, dengan menyatakan butir-butir berikut:
  - Dokumen dan maklumat yang perlu dikemukakan kepada institusi perbankan sebagai sokongan kepada sebarang permohonan pinjaman;
  - Kriteria kelayakan untuk mendapatkan pinjaman dan definisi projek yang berdaya maju; dan
  - Jangka masa yang diambil oleh institusi

perbankan untuk memproses sesuatu permohonan pinjaman.

- Pematuhan institusi perbankan kepada Piagam Pelanggan mereka diawasi melalui pemeriksaan di premis institusi tersebut.

x. Penubuhan Unit Aduan

- Untuk menyediakan saluran yang sesuai bagi pelanggan menghantar aduan, kesemua bank perdagangan dan syarikat kewangan dikehendaki menubuhkan sebuah Unit Aduan khas.

xi. Meningkatkan peranan ERF Sdn. Bhd.

- Untuk mengukuhkan lagi proses pengurusan isu berkenaan pembiayaan dan khidmat nasihat bagi usahawan Bumiputera, Unit Pembangunan Bumiputera di BNM dipindahkan ke ERF pada bulan Jun 2002. Berikutan peranan yang lebih luas ini, ERF bertindak sebagai sebuah pusat setempat yang menyediakan pembiayaan, latihan dan khidmat nasihat kepada usahawan Bumiputera.

- Pada masa ini, ERF menguruskan dua tabung, iaitu Tabung Projek Usahawan Bumiputera dan Tabung Pemulihan and Pembangunan Usahawan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM800 juta. Pada akhir bulan Julai 2003, sebanyak RM418.1 juta permohonan pinjaman telah diluluskan dan RM336.4 juta telah dikeluarkan di bawah dua tabung ini. Di samping itu, di antara bulan Jun 2002 sehingga bulan Jun 2003, ERF mengadakan 8 kursus latihan untuk lebih daripada 200 usahawan.

xii. Usaha-usaha untuk Meningkatkan Kesedaran

- Untuk memastikan PKS sentiasa peka tentang pelbagai inisiatif yang diambil untuk menyokong keperluan kewangan mereka, usaha-usaha dijalankan untuk menyebarkan maklumat melalui penerbitan risalah dan buku kecil berkenaan dengan tabung-tabung khas, skim-skim pembiayaan dan pelbagai produk dan perkhidmatan yang sedia ada untuk PKS.

- Di samping itu, Bank Negara Malaysia juga mengambil bahagian dalam beberapa pameran dan pesta perdagangan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan perdagangan. Pada masa ini, Bank Negara sedang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan di seluruh negara.

- Sebagai sebahagian daripada program pendidikan pengguna, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses menerbitkan dua buah buku kecil untuk membantu PKS dalam proses permohonan pinjaman dan menyediakan maklumat berkenaan pelbagai produk yang ditawarkan oleh institusi perbankan.

Mempertingkatkan Sistem Pembayaran di Malaysia

Kepentingan sistem pembayaran yang berjalan lancar

Operasi sistem pembayaran yang efisien dan lancar merupakan faktor penting dalam proses pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Sistem pembayaran yang selamat dan efisien juga penting untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Tambahan pula, sistem pembayaran yang berfungsi dengan selamat dan efisien akan membolehkan bank pusat melaksana polisinya secara berkesan. Bagi mempermodenkan sistem pembayaran yang selari dengan teknologi terkini dan mengikut kehendak pengguna, usaha-usaha telah ditumpukan ke arah menyediakan pembayaran melalui talian yang lebih efisien. Ini termasuklah pembangunan sebuah Bursa Pemprosesan Kewangan yang menyediakan platform pembayaran Internet pelbagai bank kepada pengguna individu dan juga peniaga. Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia memberi keutamaan kepada kecekapan dan keselamatan sistem pembayaran. Baru-baru ini, usaha-usaha telah difokuskan untuk mengkaji semula rangka perundangan sistem pembayaran, memantau usaha industri bagi meningkatkan keselamatan dan keberkesanan instrumen pembayaran, serta bekerjasama dengan pihak polis dalam membanteras penipuan.

Penggunaan kaedah pembayaran elektronik yang meluas menjimatkan kos kepada ekonomi

Terdapat pelbagai kaedah pembayaran di negara ini. Kebiasaannya, cara yang digunakan adalah melalui wang tunai, cek, kad debit, kad kredit, kad caj, dompet elektronik dan pemindahan kredit. Di Malaysia, sungguhpun penggunaan kaedah pembayaran elektronik melalui kad-kad pembayaran dan pembayaran antara bank kian meningkat, penggunaan wang tunai dan cek masih lagi meluas. Penggunaan wang tunai yang begitu ketara dapat dilihat daripada jumlah nilai wang syiling dan kertas di pasaran yang telah bertambah dua kali ganda pada akhir Disember 2002, berbanding pada akhir Disember 1992. Pada tempoh yang sama, nilai wang syiling dan kertas per kapita dalam peredaran juga telah meningkat daripada RM652 kepada RM974. Cek merupakan instrumen pembayaran yang penting berbanding dengan lain-lain instrumen pembayaran bukan tunai seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah.

Komposisi Pembayaran Elektronik Pada Suku kedua 2003



Walaupun pengeluaran dan pembayaran wang tunai kebiasaannya tidak dikenakan bayaran (kecuali apabila pengeluaran dibuat di mesin ATM bank lain atau melebihi bilangan transaksi yang ditetapkan), dan kos mengeluarkan cek oleh pengguna adalah sangat rendah, kos-kos lain yang berkaitan dengan pengendalian wang tunai dan cek adalah amat tinggi. Pihak Bank telah membelanjakan kos yang tinggi bagi mencetak, mengedar, mengawal dan memusnahkan wang

syiling dan kertas, manakala pihak industri perbankan dan peniaga runcit pula membelanjakan kos-kos yang berkaitan dengan pengangkutan, keselamatan, insurans, kerugian akibat rompakan dan penipuan, selain daripada kos pentadbiran dan kakitangan.

Penyediaan sistem pembayaran elektronik melibatkan kos pelaburan yang besar bagi industri perbankan. Walaupun begitu, kos untuk memproses transaksi pembayaran elektronik bagi sesebuah bank adalah lebih rendah daripada kos pemprosesan pembayaran berasaskan kertas sekiranya pembayaran elektronik dapat mencapai saiz kritikal. Bilangan transaksi yang cukup besar akan mewujudkan rangkaian luaran yang positif dan ekonomi mengikut bidangan bagi pembayaran elektronik dicapai. Kos pemprosesan transaksi pembayaran elektronik yang ditanggung sesebuah bank akan berkurangan dengan peningkatan bilangan transaksi. Di negara-negara yang banyak menggunakan pembayaran secara elektronik, kos sistem pembayaran elektronik biasanya berada dalam lingkungan separuh daripada kos sistem berasaskan kertas.

memerlukan keyakinan orang awam bahawa penggunaan instrumen dan sistem pembayaran elektronik adalah selamat dan mudah. Ini termasuklah pengukuhan rangka perundangan dan pengawalseliaan sistem pembayaran, memupuk amalan pengurusan risiko kredit yang utuh dalam operasi kad kredit dan mempertingkatkan keselamatan transaksi di mesin-mesin ATM. Usaha juga sedang dijalankan bagi mempromosi MEPS Cash sebagai skim dompet elektronik kebangsaan dengan menyediakan infrastruktur sokongan yang meluas, termasuk mesin ATM dan terminal penerimaan kad. Peningkatan bilangan terminal penerimaan kad akan membolehkan pengguna menggunakan instrumen pembayaran elektronik dengan mudah. MEPS Cash yang diperkenalkan selaras dengan aplikasi Kad Pintar Pelbagaiguna di bawah projek Koridor Raya Multimedia adalah merupakan skim dompet elektronik kebangsaan yang harus diterima pakai sebagai cara pembayaran oleh kesemua peniaga. Di samping itu, infrastruktur sokongan juga sedang dipertingkatkan. Rancangan Kerajaan untuk mencapai bilangan tertentu komputer peribadi, pengguna Internet dan

"Dengan meningkatkan kecekapan dan halaju pembayaran dalam rangkaian pembayaran elektronik, terdapat potensi untuk menjimatkan kos sekurang-kurangnya 1 peratus daripada KDNK tahunan berbanding dengan sistem berasaskan kertas bagi mana-mana ekonomi"

Sumber: Kajian oleh Global Insight, yang disampaikan pada sesi perbincangan di tahap menteri pada "United Nations Economic and Social Council " di Geneva pada June 2003

Memaksimumkan faedah daripada sistem dan instrumen pembayaran elektronik memerlukan penerimaan umum yang meluas dan kemajuan dalam pembinaan infrastruktur

Proses membentuk penerimaan yang lebih meluas terhadap sistem pembayaran elektronik

jalur lebar di Malaysia yang disasarkan untuk beberapa tahun yang akan datang memudahkan lagi proses migrasi ini. Penerimaan serta penggunaan saluran dan instrumen pembayaran yang meluas dapat digalakkan menerusi program-program promosi dan pendidikan pengguna yang giat.

Kesimpulan

Pembayaran elektronik di Malaysia berada pada tahap pertumbuhan yang kritikal. Malaysia mempunyai peluang untuk memajukan sistem pembayarannya ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan ini, strategi seterusnya bagi mempertingkatkan sistem pembayaran adalah:

- menyediakan kaedah-kaedah pembayaran yang lebih kos efektif dan efisien;
- mempercepatkan pembangunan infrastruktur pembayaran dan sokongan yang sewajarnya;
- menggalakkan penerimaan dan penggunaan saluran pembayaran yang meluas menerusi program-program promosi dan pendidikan pengguna; dan
- memastikan rangka pengawalseliaan adalah efektif dan proaktif bagi menggalakkan inovasi kewangan di samping memastikan sistem pembayaran adalah selamat.

Pembangunan sistem dan instrumen pembayaran yang lebih efisien akan menguntungkan negara secara amnya dan membolehkan Malaysia memaksimumkan kecekapan dan perolehan kewangan daripada sistem pembayarannya.

Kalendar Peristiwa
April – Jun 2003

7 April 2003
Bank melancarkan Program Duit Syiling dalam Pendidikan untuk menggalakkan kesedaran dan memupuk minat mengumpul duit syiling di kalangan generasi muda Malaysia. Bagi tahun pertama, sebanyak 12 keping syiling yang menggambarkan spesis haiwan terancam di Malaysia akan dikeluarkan.

28 April 2003
Bank menerbitkan Laporan Tahunan Insurans dan Laporan Tahunan Takaful 2002 yang mengandungi analisa prestasi dan perkembangan industri insurans dan takaful pada tahun 2002.

8 Mei 2003
Gabenor melancarkan Program Galakan Perbankan dan Pembayaran Secara Elektronik anjuran Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia (ABM). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap cara baru yang lebih efisien dalam menjalankan urusniaga perbankan dan pembayaran.

19 Mei 2003
Bank mengumumkan penubuhan Unit Khas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai sebahagian daripada langkah-langkah berterusan untuk memastikan PKS dan usahawan yang berdaya maju merangkumi ke semua sektor terus memperoleh kemudahan pembiayaan kewangan.

21 Mei 2003
Kerajaan telah mengumumkan pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion bertujuan untuk menjana aktiviti ekonomi melalui penggunaan sumber pertumbuhan domestik, di samping mengurangkan pergantungan negara kepada sektor luaran. Pengumuman ini dibuat dalam suasana ketidaktentuan berikutan perkembangan geopolitik semasa serta kesan wabak SARS. Daripada 90 langkah-langkah yang diumumkan, antaranya ialah:

- Peruntukan RM1 bilion bagi skim kredit mikro untuk perniagaan kecil;
- Peruntukan tambahan RM1 bilion bagi Tabung Untuk Makanan;
- Peruntukan Kemudahan Jaminan Bantuan Khas sebanyak RM1 bilion bagi mengurangkan masalah aliran tunai kepada perniagaan yang terjejas akibat wabak SARS;
- Pengurangan kadar caruman KWSP pekerja sebanyak 2% selama setahun; dan
- Pengecualian sementara cukai perkhidmatan kepada hotel dan restoran sehingga penghujung tahun 2003.

Bagi memperkukuh keberkesanan langkah-langkah baru ini, Bank Negara Malaysia menurunkan kadar campur tangan 3 bulan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5%.

28 Mei 2003
Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia berkembang 4% pada suku pertama tahun 2003, sementara mengekalkan unjuran kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5%.

2 Jun 2003
Sebelas bank pusat dan pihak berkuasa monetari dalam Kumpulan EMEAP (Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik) membuat pengumuman bersama pelancaran Dana Bon Asia berjumlah AS$1 bilion. Pelancaran dana ini merupakan langkah penting dalam hubungan kerjasama serantau yang bertujuan untuk menggalakkan pasaran bon serantau serta akan membantu, antara lainnya, penyaluran semula sebahagian kecil rizab rasmi ekonomi negara-negara Asia ke rantau ini.